

فتيٰقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"MARILAH kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memelihara kita dengan taufik dan hidayat-Nya dengan mengurniakan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan dan kesejahteraan kepada negara. Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-22 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 24 Muharam 1427 / 23 Februari 2006.



Pelita

قلايتا

BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"SAUDARA kamu menjemput kamu dan bersusah payah untuk kamu." Kemudian Baginda bersabda lagi kepadanya: "Berkualah dan berpuasalah pada hari lain sebagai gantinya jika kamu mahu." - (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

TAHUN 55
BILANGAN 83

1431 شوال 6
15 SEPTEMBER 2010

Pelita Online Harian :
<http://www.pelitaonline.gov.bn>

Emel :
pelitaonline@information.gov.bn

Hotline : 2383941
Faksimile : 2381004

EDISI RABU
PERCUMA



Pengarah Penerangan,
pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan
mucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri
kepada seluruh umat Islam
di Negara Brunei Darussalam



99,458 junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

Oleh : Dk. Hajah
Fatimah Pg. Haji Md.
Noor, Bolhassan
Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 September. - Seramai 99,458 orang telah berkunjung ke Istana Nurul Iman selama tiga hari bagi menjunjung ziarah dan menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat-kerabat diraja.

Pada hari pertama Istana dibuka, 11 September sejumlah 30,327 pengunjung, manakala pada hari kedua, 12 September, seramai 33,351 orang dan hari ketiga pula seramai 35,780 iaitu 21,731 pengunjung sebelah pagi dan 14,049 sebelah petang telah menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda beserta kerabat-kerabat diraja.

Selama tiga hari Istana Nurul Iman dibuka sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dari pelbagai peringkat golongan dari warga emas membawa kepada kanak-kanak tidak melepaskan peluang untuk berhari raya bersama baginda serta kerabat baginda dalam suasana yang akrab dan muhibah.

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah seorang warga emas yang berkunjung ke Istana Nurul Iman (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menerima junjung ziarah seorang pengunjung wanita. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit, Ramli Tengah. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 & 13).

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah mengundang saya untuk menjadi tetamu kehormat di Majlis Muzakarah Kepimpinan Pegawai Masjid Seluruh Negara yang diadakan ekoran dari sambutan Majlis Israk Mikraj peringkat negara yang berlangsung pada bulan Jun yang baru lalu.

Dalam majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lain baginda telah bertitah :

"Khasnya, imam mempunyai tanggungjawab yang amat berat. Mereka turut menentukan ibadat orang-orang Islam di belakang mereka. Jika mereka betul, maka makmum yang mengikut mereka pun akan turut betul juga. Tetapi sebaliknya, jika mereka salah atau cacat bacaan, maka para makmum akan turut menerima risikonya juga.

"Kerana itu skim anugerah kepada imam dan bilal, sewajarnya dianggap penting selaku motivasi, bagi melahirkan imam-imam dan bilal-bilal yang berkualiti. Beta berharap dengan skim ini, akan semakin makmurlah masjid, surau dan balai ibadat, serta imam-imam dan bilal-bilal pula akan lebih menyerlah dan dihormati.

"Agensi berkaitan pula janganlah diam, hanya menunggu hasil yang diharapkan proaktif dengan program-program peningkatan, seperti mengadakan kursus-kursus

BERCAKAP tentang kualiti imam, perkara-perkara utama yang perlu ada pada seseorang imam antaranya ialah, akhlaknya yang tinggi dan mulia yang terkandung di dalamnya sifat ramah-tamah dengan para jemaah masjid dan masyarakat sekelilingnya; sifat jujur dan amanah dalam mengendalikan harta benda masjid; sifat berketerampilan yang kemas dan menarik sebagai imam; bacaannya dalam sembahyang elok, bacaan khutbahnya menarik dan segar tidak menimbulkan rasa mengantuk kepada para jemaah, bacaan Al-Qur'annya sempurna bertajwid; menjaga waktu sembahyang fardu sebagai imam, pemeduliaan terhadap suka-duka dalam masyarakat dan sebagainya.

Masjid jantung masyarakat Islam

ulang kaji atau kelas-kelas membaca kitab, atau seminar yang berkaitan dengan pengurusan dan pemakmuran masjid dan lain-lain."

Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat berbesar hati dan menjunjung kasih atas kurnia titah baginda itu yang memberi perhatian kepada peranan masjid dan peranan imam-imam dalam menyuburkan penghayatan beragama di negara ini.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan perkenan baginda untuk membuat perubahan dalam acara sambutan Israk Mikraj pada tahun ini iaitu dengan mengenalkan 'Anugerah Imam Cemerlang' dan 'Anugerah Bilal Cemerlang', mudah-mudahan dua anugerah ini akan menjadi satu motivasi yang kuat kepada para imam dan para bilal bagi meningkatkan kualiti masing-masing yang tentunya bukan sahaja untuk dicalonkan sebagai penerima-penerima anugerah tersebut di masa hadapan, tetapi yang lebih penting ialah untuk berjaya membawa angin perubahan yang diharap-harapkan supaya prestasi imam dan bilal terserlah di negara ini. Ini bukan sahaja akan turut menaikkan imej imam-imam dan bilal-bilal berkenaan, tetapi juga imej masjid berkenaan, imej kampung berkenaan di mana masjid itu berada, imej daerah berkenaan,



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman di Majlis Muzakarah Kepimpinan Pegawai Masjid Seluruh Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkia, Kampung Kiarong pada 8 Ramadan 1431 Hijriah / 18 Ogos 2010 Masihi.

malah juga imej Negara Brunei Darussalam di dalam dan luar negara.

Sesebuah masjid adalah merupakan jantung masyarakat Islam setempat. Jika masjid itu subur, harum dan menarik maka masyarakat Islam di tempat itu juga pasti akan terpaut hati mereka dan secara disadari atau tidak akan mendorongnya untuk mendekati masjid. Orang yang berperanan besar menjadikan masjid sedemikian rupa ialah imam-imam dan bilal-bilal. Maka di bawah kepimpinan imam-imam dan bilal-bilal yang berwisata, berkebolehan dan bijaksana, insya-Allah pencapaian yang positif akan dapat dirasakan.

Bercakap tentang kualiti imam, perkara-perkara utama yang perlu ada pada seseorang imam antaranya ialah, akhlaknya yang tinggi dan mulia yang terkandung di dalamnya sifat ramah-tamah dengan para jemaah masjid dan masyarakat sekelilingnya; sifat jujur dan amanah dalam mengendalikan harta benda masjid; sifat berketerampilan yang kemas dan menarik sebagai imam; bacaannya dalam sembahyang elok, bacaan khutbahnya menarik dan segar tidak menimbulkan rasa mengantuk kepada para jemaah, bacaan

Al-Qur'annya sempurna bertajwid; menjaga waktu sembahyang fardu sebagai imam, pemeduliaan terhadap suka-duka dalam masyarakat dan sebagainya.

Dalam hal ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid yang diketuai oleh pengarahnya dan pegawai-pegawai kanannya, juga perlu bekerja keras, memberi kepimpinan yang menyeluruh, memantau masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan kaca mata makro dan mikro, supaya dengan efisien dapat memerhatikan dan mengenal pasti aspek-aspek kekuatan dan kelemahan-kelemahan di sesebuah masjid, supaya dapat membuat penyelidikan, dan akhirnya dapat membuat pembaikan-pembaikan dari semasa ke semasa dan dalam masa yang bersegera.

Maka usaha Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan muzakarah bersifat sederhana ini dalam masa yang dekat sebaik-baik serlesai sambutan Israk Mikraj peringkat negara baru-baru ini, sangat-sangatlah saya hargai, kerana kemeriahan suasana sambutan dan objektif-objektifnya masih lagi dirasakan, dan saya percaya ini akan disusuli lagi dengan satu seminar yang lebih besar dan lebih bermakna dalam masa yang terdekat, secara

SESEBUAH masjid adalah merupakan jantung masyarakat Islam setempat. Jika masjid itu subur, harum dan menarik maka masyarakat Islam di tempat itu juga pasti akan terpaut hati mereka, dan secara disadari atau tidak akan mendorongnya untuk mendekati masjid. Orang yang berperanan besar menjadikan masjid sedemikian rupa ialah imam-imam dan bilal-bilal.

lebih tersusun dan terancang, dalam skop yang lebih besar melibatkan ulama dan cendekiawan negara-negara rantau kita ini. Dengan demikian kita akan dapat saling bertukar-tukar fikiran, saling contoh-mencontohi mana-mana yang terbaik, untuk menjadi panduan, dengan tujuan untuk mengangkat martabat para imam dan pegawai-pegawai masjid di dalam negara kita khususnya dan rantau ini amnya.

Dalam pada itu, tidak lupa diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang telah sudi untuk menyampaikan ceramah khasnya mengenai tugas-tugas imam di majlis ini. Mudah-mudahan ini akan menjadi suntikan yang kuat serta dapat membuka minda para imam dan pegawai masjid untuk merubah diri dan sama-sama mengangkat martabat imam yang dihormati itu.

Maka dengan mengucapkan kalimah agung:

Bismillahir Rahmanir Rahim Majlis Muzakarah ini saya rasmikan.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



15 SEPTEMBER 2010 BERSAMAAN 1431 شوال 6

RUMAH TERBUKA – TUGASAN RASMI JANGAN TERABAI

SUDAH enam hari kitani menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kemeriahan dan keceriaan masih terasa di sana sini di seluruh pelusuk tanah air. Selayaknya kita membesarkan Aidilfitri dengan takbir. Dalam apa keadaan sekalipun, Syawal tetap kita rayakan dan besarkan. Konsep kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi serta bermaaf-maafan sememangnya mengambil tempat yang utama dalam perayaan ini. Tepat dengan gelarnya Aidilfitri ianya merupakan sebagai tanda bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi hubungan silaturahim sesama umat Islam di negara ini. Tegasnya Aidilfitri simboliknya bukan sahaja membukakan peluang seluas-luasnya untuk kita bermaaf-maafan, tetapi yang penting menghidupkan bibit-bibit bersopan santun seperti hormat-menghormati, berawar galat dan sebagainya yang mencerminkan kehidupan orang-orang Brunei.

Aidilfitri adalah hari terbuka dalam makna mengunjungi kaum keluarga dan sahabat handai, serta terbuka untuk memohon kemaafan segala kesalahan yang dilakukan sama ada disadari atau tidak. Inilah keunikannya kita beraya di Negara Brunei Darussalam yang mana berkunjung menjadi amalan dan tradisi orang-orang kitani lebih-lebih lagi ianya datang setahun sekali. Sesungguhnya dengan kehadirannya sekali dalam 12 bulan itulah orang-orang Brunei mengambil peluang keemasan bagi meningkatkan semangat keakraban yang sejati di kalangan penduduk negara ini bukan sahaja yang beragama Islam malah mereka yang bukan Islam juga mengambil 'rahmat' Hari Raya dengan mengunjungi mereka yang beragama Islam.

'Rumah Terbuka' atau lebih dikenali ramai 'Open House' sudah sinonim dengan Aidilfitri. Sebut saja Hari Raya pastinya ianya dikaitkan dengan 'Rumah Terbuka'. Konsep 'Rumah Terbuka' ini, saban tahun dalam Aidilfitri semakin popular, membesar dan meluas. Rata-rata individu, keluarga atau kumpulan akan mengadakan 'Rumah Terbuka' sehari suntuk sehingga membawa tengah malam. Secara praktikalnya, konsep seumpama itu memberikan banyak kebaikan dalam banyak hal. Kesannya ternyata mendalam terutama dalam usaha mengukuhkan hubungan silaturahim di kalangan rakyat dan penduduk negara ini. Apa tidaknya ianya berjaya menemukan satu kumpulan dalam kelompok besar yang mencetuskan semboyan ikatan kekeluargaan yang akrab dan mesra berbanding dengan konsep kunjung-mengunjungi dari rumah ke rumah. Tradisi Rumah Terbuka ini semacam satu kemestian dan ianya melarat di kalangan warga Perkhidmatan Awam yang mengadakan 'Rumah Terbuka' semasa waktu pejabat.

Apa yang penting dan sudah sewajarnya pegawai dan kakitangan kerajaan tidak akan mengadakkannya semasa waktu pejabat. Jika ini berlarutan tanpa ada kawalan, lambat-laun akan menjejaskan kredibiliti dan imej kerajaan itu sendiri. Apa tidaknya pejabat akan menjadi kosong dan langang yang mana masing-masing warga Perkhidmatan Awam berduyun-duyun menghadiri Majlis 'Rumah Terbuka'. Perkara ini amatlah tidak sihat yang tentunya menjejaskan mutu perkhidmatan kerajaan lebih-lebih lagi yang berkhidmat di 'front line' iaitu di kaunter-kaunter pembayaran dan penyambut tetamu. Orang ramai atau pelanggan yang berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan sedemikian tentunya akan menjadi mangsa dan hampa. Apa tidaknya orang awam yang berurusan untuk pembayaran dan sebagainya mendapati kaunter tidak 'bejelama'. Situasi ini barang tentunya menimbulkan kemarahan di kalangan orang ramai kerana hampa akibat perbuatan warga Perkhidmatan Awam yang sewenang-wenangnya meninggalkan tugas rasmi kerajaan. Jangan biarkan situasi ini berlaku. Jagalah imej bersih kerajaan yang pemeduliaan dan prihatin kepada masalah, sungutan dan rungutan orang ramai yang datang berurusan di pejabat-pejabat kerajaan.

Sudah sampai masanya budaya keluar 'berduyun-duyun' berhari raya sewaktu pejabat diberhentikan. Jika perkara ini tidak dibendung ianya akan menjadi tradisi tahunan yang kesan buruknya bukan sahaja menjejaskan mutu perkhidmatan malahan yang lebih penting kredibiliti kerajaan turut terjejas di mata masyarakat, sedangkan kitani melaukan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR). Apalah salahnya, Majlis 'Rumah Terbuka' diadakan selepas waktu pejabat atau pada malam hari atau hari kelepasan awam hari Jumaat dan Ahad dan bukannya diadakan semasa waktu pejabat. Perlu diingat waktu pejabat adalah masa warga Perkhidmatan Awam melakukan tugas rasmi di pejabat dan bukannya asyik bersembang dan berborak-borak di Rumah Terbuka sehingga berjam-jam.

Semasa sambutan Hari Raya, warga Perkhidmatan Awam juga keluar beramai-ramai mengunjungi rumah rakan sekerja mereka. Tidakkah salah kitani kunjung-mengunjungi, tetapi yang salah kitani 'mencuri' berjam-jam waktu bekerja yang sepatutnya kitani berada di pejabat. Beraya tidak dilarang asalkan tidak menjejaskan mana-mana kepentingan, terutama kerja-kerja di pejabat tidak diabaikan. Tetapi kalau sudah keluar beramai-ramai sedikit sebanyak kerja pejabat akan terjejas. Trend ini amatlah mendukacitakan dan peri mustahak dibendung agar tidak berulang dan menjadi budaya dalam kehidupan warga Perkhidmatan Awam.

Biarlah Aidilfitri yang kita rayakan kemeriahannya tidak akan menjejaskan kepentingan kerajaan. Raikan dengan selayaknya, tanpa menjejaskan mana-mana pihak majikan dan organisasi kerajaan. Warga Perkhidmatan Awam mustahak menumpukan kerja-kerja di pejabat dan bukannya asyik keluar berhari raya dengan meninggalkan tugas dan kerja-kerja di pejabat. Jadilah warga Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab, pemeduliaan dan prihatin agar imej kerajaan sentiasa baik di mata masyarakat. - **KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.**

Sidang Pengarang

Pemberitaan/Rencana

Zabaidah Haji Salat
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saedah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif, Shari Haji Garib,
Aryentyy Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Karnis

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra, Ramlah Md. Noor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime,
Ak. Muhd Khairul Anuar Pg. Badaruddin

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyelaras dan Reka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Samle Haji Jait, Norriah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

Raikan Hari Raya dengan selayaknya



"KEADAAN sambutan Hari Raya zaman dulu sebenarnya sama sahaja meriahnya, hanya dari segi peralatan cucul adalah berbeza, di mana digunakan peralatan seperti buluh yang dibuat bersama sumbu dan minyak tanah untuk dijadikan cucul di rumah-rumah"

- Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 September. - Negara Brunei Darussalam telah menyambut Hari Raya Aidilfitri pada hari ini (hari Jumaat) bersama beberapa buah negara jiran. Sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri di hari pertama yang diadakan di Istana Nurul Iman bagi junjung ziarah Orang Kenamaan, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Diplomat-Diplomat Asing, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan.

Sehubungan dengan itu pihak PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa Orang Kenamaan dan Timbalan-Timbalan Menteri bagi meminta pandangan mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2010.

Temu bual bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned mengenai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah kena pada tempat dan hari yang kita raikan iaitu Hari Raya Aidilfitri, kerana baginda telah menekankan perkara-perkara pokok atau *fundamental* yang tidak boleh dilupakan dalam suasana kita meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Baginda katanya telah menekankan ada perkara-perkara dasar daripada segi hukum yang perlu diingap oleh semua pihak, supaya perayaan yang kita jalankan ini tidak terpesong kepada perayaan atau sambutan atau kaedah me-

ngadakan yang lari daripada tujuan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebabnya jelasnya di dalam kemajuan atau perubahan-perubahan yang dihadapi oleh ummah terdapat banyak unsur-unsur ataupun pengaruh-pengaruh kalau kita tidak kritis mengenai perkara-perkara tersebut yang boleh memesongkan akidah kita, ataupun penghayatan kita terhadap Hari Raya Aidilfitri.

Sebab itulah tegas Yang Mulia Dato Paduka, titah baginda itu perlu dihayati semua pihak sebagai asas dan tanggung kita ke arah membuat apa-apa jua ataupun melaksanakan apa jua perkara yang berhubung dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang kita raikan pada masa ini.

"Jadi dari segi signifikan untuk kemajuan ummah masa depan, ertinya titah baginda tersebut mengajak kita untuk menilai semula mengenai cara-cara kita meraikan Hari Ra-

ya Aidilfitri supaya dalam penilaian tersebut kita akan praktikalkan mengenai apa-apa acara ataupun perisian perayaan kita itu tidak menepati kepada hukum agama dan kita akan elakkan dan insya-Allah dengan panduan kita ini, satu hari nanti kita akan sampai kepada satu situasi, di mana perayaan Hari Raya Aidilfitri itu akan benar-benar menjaga kepentingan hukum dan kepentingan individu yang meraikan Hari Raya tersebut," ujarnya.

Menurutnya daripada segi mengelakkan pembaziran dan daripada segi menghayati hukum yang salah dan juga daripada segi sosial, supaya individu kita semua mempunyai pegangan yang progresif daripada segi untuk memajukan kedudukan sosial kita yang sejauh berkaitan perayaan Hari Raya Aidilfitri ini.

"Jadi saya berpendapat titah baginda itu adalah perlu kita hayati dan pegang betul-betul supaya ianya menjadi titik tolak

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Abdullah Haji Awang Damit

kepada kita untuk menilai semula kelaziman kita atau kebiasaan kita yang lain tidak menepati hukum agama," terangnya.

Sementara itu Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika ditemu bual mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Raya Aidilfitri menyatakan pandangan bahawa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan kepada semua rakyat akan sentiasa beringat-ingat terutama dalam zaman sekarang ini.

Kerana tambah Yang Mulia banyak terdapat anasir-anasir yang cuba untuk menghina agama dan lebih penting ialah pengaruh-pengaruh daripada budaya yang lain itu, bukan budaya Islam.

Maka tegas beliau sewalailah saat kita meraikan Hari Raya, di mana baginda telah mengingatkan kepada seluruh rakyat supaya sentiasa waspada terhadap ibadat kita untuk meneruskan amalan yang kita perolehi daripada bulan Ramadan.

Tapi yang penting, jelasnya lagi dalam keadaan di mana arena antarabangsa isu-isu seperti pembakaran kitab Al-Qur'an sedang diperdebatkan, sudah tepat pada masanya di mana semua umat Islam harus peka terhadap keadaan sekarang.

Pada keseluruhannya, ujarnya banyak perkara-perkara yang kita bimbang mengenai dengan keadaan Islam sekarang ini, di mana barangkali da-

ripada segi keimanan dan akidah mereka itu nipis disebabkan oleh pengaruh-pengaruh budaya lain sehingga kita terdedah dengan penghinaan.

Salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus pula turut memberi pandangan mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di mana jelasnya baginda bertitah banyak perkara-perkara yang betul dan benar, yang perlu kita ambil perhatian adalah seperti ibadah sembahyang, zakat fitrah dan cara-cara kita menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Sehubungan dengan itu

teh, turut memberi pandangan mengenai titah baginda sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2010, yang antara lain menyentuh terdapat sebilangan orang berbelanja dengan berlebihan sehingga ke tahap boros atau membazir dalam menyambut Hari Raya, Yang Amat Mulia menjelaskan perkara itu memang benar. Walau bagaimanapun sikap sedemikian itu boleh diubah sedikit demi sedikit, daripada berbelanja berlebihan kepada sikap kesederhanaan atau berpada-pada.

YAM dalam temu bual itu menegaskan bahawa menyambut Hari Raya adalah sebenarnya kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita telah berjaya melaksanakan ibadah puasa

Selain itu jelasnya terdapat juga zaman dulu sehubungan itu mengadakan persembahan seni mempertahankan diri seperti silat asli bersama alat guling tangan, di mana ianya dijadikan satu tradisi setiap menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi memeriahkan suasana perayaan berkenaan.


Tetapi sekarang, acara sedemikian tidak lagi kelihatan atau kedengaran yang dilaksanakan oleh mana-mana kampung di negara ini.

Ketika ditanya adakah acara itu (persembahan silat asli) perlu diadakan zaman sekarang? YAM menjelaskan bahawa acara itu perlu diadakan atau ditimbulkan kembali bagi memeriahkan suasana sambutan Hari Raya berkenaan.



"TITAH baginda itu perlu dihayati semua pihak sebagai asas dan tanggung kita ke arah membuat apa-apa jua ataupun melaksanakan apa jua perkara yang berhubung dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang kita raikan pada masa ini."

- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned



"BANYAK perkara-perkara yang kita bimbang mengenai dengan keadaan Islam sekarang ini, di mana barangkali dari segi keimanan dan akidah mereka itu nipis disebabkan oleh pengaruh-pengaruh Barat, sehingga kita terdedah dengan penghinaan."

-Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat

terangnya perlu kita sebagai rakyat negara ini dan umat Islam khususnya akan dapat mengambil perhatian, kerana perkara-perkara ini telah berlaku seperti yang dititah oleh baginda selama seribu tahun yang lalu dan walaupun dengan peredaran zaman, kemajuan teknologi bahawa perkara-perkara ini sentiasa kekal dan relevan dan tiada ada perubahannya.

Yang Berhormat seterusnya berharap generasi-generasi akan datang akan lebih mengambil inisiatif dan perhatian mengenai perkara ini daripada pengaruh-pengaruh asing.

Dalam temu bual bersama Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Pu-

dengan sempurna selama sebulan.

YAM juga turut menceritakan mengenai sambutan Hari Raya dulu dan sekarang. Di mana katanya cucul yang dipasang di rumah-rumah sekarang ini adalah merupakan tanda bagi memeriahkan sambutan Hari Raya tersebut, di samping kita membersihkan dan menghias rumah-rumah untuk lebih cantik dan menarik.

Katanya, keadaan samrusnya berharap generasi-generasi akan datang akan lebih mengambil inisiatif dan perhatian mengenai perkara ini daripada pengaruh-pengaruh asing.

YAM yang juga merupakan seorang veteran yang sudah lama berkecimpung dalam persatuan-persatuan persilatan di negara ini menegaskan bahawa seni silat itu mempunyai banyak pengajaran dan faedah yang diperolehi daripadanya antaranya adalah mengajar kita bersifat sabar, menahan emosi marah dan sebagainya.

YAM seterusnya dalam temu bual itu berharap agar seni silat akan dapat ditimbulkan kembali dalam acara sambutan Hari Raya, kerana seni silat asli adalah merupakan warisan turun-temurun sejak dulu lagi dan YAM juga turut bercadang akan menghidupkan semula tradisi seni silat itu di kampung-kampung di negara ini.

RTB tandatangani Memorandum Perjanjian bersama lima konsultan



PEMANGKU Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali menyerahkan dokumen Memorandum Perjanjian dengan sebuah syarikat konsultan pembinaan kompleks baru RTB (fasa ke-3) dan Auditorium RTB yang disaksikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September. - Radio Televisyen Brunei (RTB) terus komited menghalu segala daya usaha dalam perancangan strategiknya secara berperingkat-peringkat untuk beralih kepada penyiaran digital sepenuhnya.

Peralihan tersebut memerlukan RTB melakukan perubahan dari segi tenaga kerjanya termasuk perubahan pengurusan atau *change management* melalui aliran kerja, struktur kerja serta perkara-perkara yang berhubung kait dengannya.

Selaras kehendak tersebut, RTB memperluaskan lagi pembinaan kompleks barunya di Sungai Akar agar ia dapat berfungsi dengan lebih efisien dan efektif.

Dengan perkembangan itu, Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement*) antara RTB dengan lima buah syarikat konsultan pembinaan kompleks baru RTB (fasa ke-3) dan Auditorium RTB dilangsungkan dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka

Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, bertempat di Kompleks RTB Sungai Akar, di sini.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali, manakala kelima-lima konsultan diwakili oleh wakil syarikat masing-masing.

Lima syarikat konsultan tersebut ialah Arkitek Rekajaya, *Othman and Associates*, Sepakat Setia Perunding, *MRBC Partnership* dan Jurusy Perunding.

Kompleks baru RTB (fasa ke-3) dan Auditorium RTB antara lain akan mengandungi Studio TV, Studio Berita Radio dan TV, *Amphitheatre*, Unit Siaran Luar yang dilengkapi dengan peralatan teknologi berdefinisi tinggi yang menjurus kepada peralihan penyiaran digital.

Dengan adanya kemudahan baru itu nanti, RTB akan berupaya meningkatkan mutu dan mempelbagaikan rancangan-rancangan sama ada berbentuk konvensional mahupun media baru dengan lebih sempurna, teratur dan berkesan bagi memenuhi cita rasa penonton dan pendengar.

Tiga anggota ABDB ditauliahkan Pegawai Tauliah Khas ABDB

Oleh : Abdullah Asgar

BERAKAS, Rabu, 8 September. - Tiga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah ditauliahkan pangkat bagi Pegawai Tauliah Khas ABDB di Majlis Penauliah Pangkat bertempat di Mes Pegawai Berakas Garison, di sini.

Upacara penauliah pangkat tersebut telah disampaikan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Mereka yang ditauliah-

kan kenaikan pangkat ialah Pegawai Waran Dua (L) Awang Amirul bin Haji Mohammad@Haji Mohamad yang pada masa ini berada di luar negeri dinaikan ke jawatan Timbalan Pegawai Jurutera Persenjataan KDB DARULAMAN, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Staf Sarjan Mohammad Erwind bin Awang Emzah kejawatan Pegawai Penguasa Optonik, Woksyop Bolkliah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan Sarjan Adri Syahmie bin Haji Kudil@Haji Rahim ke jawatan Pegawai Kenderaan, Institut Latihan ABDB (IL ABDB).



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan ketika menyampaikan lencana pangkat tauliah khas kepada seorang pegawai ABDB yang dinaikkan pangkat. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Hadir di upacara ini adalah pemerintah-pemerintah tentera, Angkatan Bersama dan Komandan IL ABDB, pengarah-pe-

ngarah tentera bersama isteri, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta ahli keluarga pegawai yang diraikan.

Tiga projek akan dijalankan di Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 7 September. - Jabatan Daerah Tutong (JDT) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) mengendalikan satu taklimat khas mengenai projek-projek BEDB di Daerah Tutong bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir di taklimat tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Penolong Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Infrastruktur, BEDB, Julian Fung.

Taklimat didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Md. Deli bin Haji Md. Raya dan diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Pembangunan Infrastruktur BEDB, Awang Abdurahman bin Abdul Aziz.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan berkongsi maklumat ke-

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

pada para jempunan mengenai projek-projek yang dikendalikan oleh BEDB yang sedang dan akan dijalankan di Daerah Tutong.

Sebanyak tiga projek utama yang sedang dan akan dijalankan di Daerah Tutong iaitu Pembangunan Prasarana Lebuhraya Telisai - Lumut dengan bertujuan bagi memudahkan lagi perjalanan ter-

utama sekali para pengguna jalan raya yang bertugasan antara Daerah Belait, Tutong dan Brunei dan Muara.

Projek kedua adalah Projek Sistem Pembuangan Sampah Bersepadu di Kawasan Sungai Paku yang akan dijalankan dalam jangka masa lima tahun akan datang dengan menyediakan kawasan pembuangan sampah

yang lebih bersestematik dan mesra alam.

Projek ketiga yang akan dijalankan adalah Projek Pembinaan 1,500 unit rumah di Kampung Bukit Beruang.

Taklimat tersebut merupakan salah satu program dan aktiviti JDT bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai khususnya ketua-ketua jabatan cawangan Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ketua rumah panjang, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Telisai.



PENGURUS Pembangunan Infrastruktur Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Awang Abdurahman bin Abdul Aziz semasa menyampaikan taklimat mengenai projek BEDB di Daerah Tutong.

AiTi tandatangani Program Kompetensi ICT



KETUA Pegawai Eksekutif HAD Technologies, Haji Awang bin Haji Muhd. Daud bertukar dokumen perjanjian bersama Timbalan Ketua Eksekutif AiTi, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Aji yang disaksikan oleh Ketua Eksekutif AiTi, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September. - Pihak Berkuasa Industri Info-Komunikasi Teknologi Brunei Darussalam (AiTi) telah menandatangani Program Kompetensi ICT bersama tiga buah syarikat ICT di negara ini.

Mula-mula AiTi menandatangani perjanjian bersama *AT e-Knowledge Solution* dengan AiTi ditandatangani oleh Timbalan Ketua Eksekutifnya, Pengiran Haji Md. Salleh bin Pengiran Haji Ali, manakala *At e-Knowledge Solution* ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Awang Haji Arbi bin Haji Abd. Hamid.

Majlis berlangsung di Pejabat AiTi Kampung Anggerek Desa dengan pihak AiTi juga menandatangani program serupa bersama *HAD Technologies* yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Haji Awang bin Haji Muhd. Daud.

Juga menandatangani bersama AiTi adalah *iLM Academy Sendirian Berhad* yang diwakili oleh Pengurus Amnya, Dayang Hajah Hasnah bin Haji Azri.

Kesemua penandatanganan perjanjian itu disaksikan oleh tetamu kehormat yang juga Ketua Eksekutif AiTi, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin.

Dengan termeterainya program perjanjian itu, pihak AiTi berharap mereka yang berkecenderungan (peserta) akan mengambil peluang yang ada untuk menambah dan meningkatkan kemahiran mereka dalam ICT dengan menjalani latihan dari tiga syarikat yang telah dilantik.

Melalui perjanjian itu juga AiTi akan mensubsidi 50 hingga 80 peratus dari kos latihan kepada mereka yang layak dengan tertakluk jenis latihan yang dipohonkan yang mana para pemohon hanya terdiri dari rakyat dan penduduk tetap negara berusia 17 tahun ke atas atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaftar.

Tiga syarikat tersebut akan menyediakan sebelas jenis latihan antaranya, *International Computer Driving License 4 modules* dan tujuh modul akan dijalankan di *HAD Technologies* dan beberapa jenis latihan lain yang kesemuanya menjurus pada bidang ICT.

Bagi mereka yang berminat bolehlah melayari sesawang www.aiti.gov.bn bagi pendaftaran.

KHEDN sumbang derma kepada ibu tunggal dan anak yatim

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September.- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an sebagai penutup acara bertadarus bagi kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan seterusnya mengepalai bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai bagi memulakan acara.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada lima orang ibu tunggal dan dua orang anak yatim kementerian itu.

Dengan majlis seumpama itu diharapkan agar dapat menambah nilai dan meningkatkan amal ibadah di bulan Ramadan dengan ganjaran pahala yang berlipatganda di samping dapat mengeratkan tali silaturahmi di antara sesama warga KHEDN.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa menyampaikan derma ibu-ibu tunggal serta anak-anak yatim. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Majlis Khatam Al-Qur'an Kementerian Pertahanan

BERAKAS, Selasa, 7 September. - Dalam usaha ke arah mempromosikan aktiviti-aktiviti keagamaan terutama sekali di bulan Ramadan yang suci dan penuh keberkatan, Kementerian Pertahanan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an yang merupakan program berterusan kementerian tersebut.

Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Surau Kementerian Pertahanan di Bolkih Garrison menandakan tamatnya acara bertadarus pada setiap malam sepanjang Ihya Ramadan.

Hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

(ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Haji Mohamad; Timbalan Setiausaha Tetap II, Awang Mohd. Sahrizal bin Othman, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan bacaan surah-surah lazim beramai-ramai, se-

terusnya bacaan tahtim dan doa khatam. Acara bersungkaik kemudian disusuli, diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara tahunan ini bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB serta kaum keluarga mereka untuk menamatkan bacaan 30 juzuk kitab suci Al-Qur'an di bulan Ramadan.

Amalan ini juga bertepatan dengan hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei yang setentunya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an serta dapat melahirkan rakyat dan penduduk yang celik Al-Qur'an.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa antara yang hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Kementerian Pertahanan bertempat di Surau MinDef Bolkih Garrison. - Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

YSHHB sumbangkan BND8,500 kepada lapan ketua keluarga mangsa kebakaran



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim ketika menyampaikan sumbangan bantuan kebakaran kepada Awang Haji Madani bin Haji Abu Bakar. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September. - Sejumlah BND8,500 telah disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) kepada lapan ketua keluarga yang terlibat dalam musibah kebakaran rumah.

Majlis penyampaian sumbangan disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud, berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, di sini.

Para ketua keluarga yang menerima sumbangan ialah Awang Haji Yusof bin Hussin dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri, Daerah Brunei dan Muara; Awang Samshol

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

bin Basri, mangsa kebakaran Berek Jalan Sungai Besar, Tutong dan dua mangsa kebakaran di Kampung Anggerek Desa Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Madani bin Haji Abu Bakar dan Dayang Noraziana binti Haji Madani.

Juga menerima sumbangan ialah para mangsa kebakaran di Kampung Orang Kaya Besar Imas, Daerah Brunei dan Muara iaitu Dayang Hajah Fatimah binti Haji Mohamad Said, Awang Jefri bin Haji Asri dan Dayang Asmah binti Haji Asri serta mangsa kebakaran dari Kam-

pung Sukang, Daerah Belait iaitu Awang Umi Anak Puing.

Penyerahan ke semua sumbangan itu adalah selaras dengan penubuhan YSHHB sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda yang ditimpa musibah.

Anak-anak yatim keluarga warga APB terima sumbangan derma

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

TUNGKU, Rabu, 8 September. - Badan Perhubungan dan Kesejahteraan Mahasiswa/Mahasiswi Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengendalikan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Tahliil Serta Majlis Bersungkaik Bersama Anak-Anak Yatim bertempat di Dewan Canselor, UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UBD, Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Mahasiswa APB Tahun 3, Awang Nurhidayatullah bin Haji Zulkifilee.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Khatam Al-Qur'an dan Tahliil Serta Majlis Bersungkaik Bersama Anak-Anak Yatim bertempat di Dewan Canselor, UBD. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Acara diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Qur'an yang disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi APB dan diikuti dengan tahliil.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma ke-

pada lebih kurang seramai 20 anak-anak yatim terdiri dari ahli keluarga warga APB yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan kemudian diteruskan dengan majlis bersungkaik kemudian, solat berjemaah fardhu Maghrib

mengakhiri majlis tersebut.

Dengan adanya majlis seumpama ini, ia dapat membantu mengeratkan hubungan silaturahmi di antara warga APB dan membantu mereka yang memerlukan.

Tanamkan semangat ukhuwah di bulan Syawal

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

TAKBIR bergema di mana-mana, memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala bermula di malam Syawal yang menjadi tradisi Brunei menandakan kedatangan Aidilfitri yang mulia dengan tahmid kerana kita berjaya mentaati perintah Allah melalui ibadat penuh dalam sebulan di bulan Ramadan.

Amalan yang menjadi tradisi umat Islam khasnya di negara ini adalah mengambil kesempatan terbaik bagi kita mengeratkan dan meningkatkan tali silaturahim serta memulihkan hubungan yang renggang. Begitu juga amalan kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi ke rumah ahli keluarga, jiran tetangga dan rakan-rakan untuk memohon kemaafan apa jua dosa dan kesalahan yang dilakukan.

Ziarah-menziarahi dan memberi makan (disebut *Rumah Terbuka*) sememangnya dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada bulan-bulan yang lain, kita kurang berpeluang mengadakannya kerana tugas harian sehinggakan jiran yang tinggal bersebelahan rumah pun jarang bertegur sapa, maka Aidilfitri inilah kita dapat menjalani semula kemesraan dengan jiran tetangga, sanak saudara dan rakan taulan.

Apa yang diharapkan menurut khutbah baru-baru ini, inilah masa yang paling sesuai untuk kita merapatkan hubungan silaturahim, jika sebelum ini ada berlaku ketegangan, salah faham yang membawa perselisihan faham yang membawa kepada bermasam muka, maka ambil peluang di hari penuh berkat ini mengeratkan semula hubungan yang pudar dengan menghulurkan tangan bermaafan. Semoga semangat ukhuwah di bulan Syawal mampu melenyapkan keingauan, perbalahan, buang yang keruh ambil yang jernih.

SEDERHANA

Di hari mulia pelbagai hidangan juadah dan beraneka kek dan biskut dihidangkan serta minuman yang lazat disajikan kepada tetamu yang datang. Namun di sebalik meraikan Hari Raya, agama kita menyarankan disambut dengan sederhana namun tetap meriah dengan suasana hubungan silaturahim sesama insan terus kukuh.

ZIARAH-MENZIARAHI dan memberi makan (disebut 'Rumah Terbuka') sememangnya dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada bulan-bulan yang lain, kita kurang berpeluang mengadakannya kerana tugas harian sehinggakan jiran yang tinggal bersebelahan rumah pun jarang bertegur sapa, maka Aidilfitri inilah kita dapat menjalani semula kemesraan dengan jiran tetangga, sanak saudara dan rakan taulan.



Anak yatim warga KHEU terima sumbangan derma

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September. - Seramai 19 orang anak yatim warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima sumbangan daripada kementerian berkenaan.

Di majlis tersebut anak-anak yatim berkenaan menerima sumbangan hamper Hari Raya dan sampul surti yang berisi wang, disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji

Oleh : Mas'Ayu PA Haji Abdullah

Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, bertempat di Dewan Teratai KHEU, di sini.

Pengerusi Majlis, Pengiran Haji Anuar bin Pengiran Seri Indera Haji Ismail dalam ucapan aluannya berkata sumbangan tersebut dihulurkan sebagai komitmen bagi menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, di samping membantu meringankan beban

perbelanjaan anak-anak yatim.

Kita katanya, seharusnya sentiasa mengamalkan sikap untuk saling bantu-membantu sesama saudara, tidak sahaja pada bulan Ramadan tetapi juga pada setiap masa kerana sikap bantu-membantu ini, bukan sahaja dapat meringankan bebanan, tetapi juga akan meningkatkan rasa persaudaraan dan saling

menghormati.

Majlis tersebut juga bertujuan menyemai sifat bertanggungjawab kepada pihak yang memerlukan dan memberi peluang kepada warga kementerian tersebut untuk beramal khususnya semasa bulan Ramadan.

Di samping itu, ianya juga membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim dan keluarga mereka bagi membuat persediaan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Syarikat tempatan tunaikan zakat harta perniagaan



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Haji Matzain bin Haji Muntol menerima zakat harta perniagaan Kumpulan Syarikat Serikandi Sendirian Berhad yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat tersebut, Sheikh Haji Khalid bin Sheikh Haji Ahmad.

Berita dan Foto:
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 8 September. - Di samping menunaikan ibadah puasa umat Islam juga menunaikan kewajiban mengeluarkan zakat iaitu zakat fitrah yang hanya dilakukan pada bulan Ramadan manakala zakat harta (*zakat maal*) yang genap nisab dan haulnya.

Menunaikan zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda bahawa apabila seseorang menunaikan zakat keburukan hartanya terhapus (Tabrani; Ibnu Khazimah; Muslim; Targhib).

Biasanya harta menjadi *asbab* untuk pelbagai keburukan tetapi apabila zakatnya ditunaikan dengan mementingkannya ianya akan terselamat daripada keburukan dan di akhirat pula ianya lebih terang iaitu untuk harta seseorang itu tidak akan diazab, manakala daripada segi dunia pula jika zakat ditunaikan harta itu selamat.

Sehubungan itu, dua buah syarikat perniagaan di daerah ini, Kumpulan Syarikat Mashhor Sendirian Berhad dan Kumpulan Syarikat Serikandi Sendirian Berhad telah menyerahkan Zakat Harta Perniagaan mereka di majlis berasingan yang diadakan di Pejabat Hal Ehwal Ugama, di sini.

Majlis Penyerahan Zakat Harta Perniagaan didahului oleh Kumpulan Syarikat Mashhor Sendirian Berhad sebanyak

BND33,823 yang disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan Syarikat berkenaan, Awang Malai Haji Abd. Hamid bin Haji Malai Mashhor kepada Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Matzain bin Haji Muntol yang diadakan di ruang pejabat beliau.

Pada masa yang berasingan bertempat di Dewan Indera Kencana, Kumpulan Syarikat Serikandi Sendirian Berhad juga menyerahkan zakat harta perniagaan mereka sebanyak BND52,241.30 yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat tersebut, Sheikh Haji Khalid bin Sheikh Haji Ahmad kepada Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait.

Zakat harta yang diterima itu akan dimasukkan ke akaun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei untuk diagihkan kepada asnaf yang layak menerimanya.

BIASANYA harta menjadi 'asbab' untuk pelbagai keburukan tetapi apabila zakatnya ditunaikan dengan mementingkannya ianya akan terselamat daripada keburukan dan di akhirat pula ianya lebih terang iaitu untuk harta seseorang itu tidak akan diazab, manakala daripada segi dunia pula jika zakat ditunaikan harta itu selamat.

JBP, JAPEM, JDT usahakan projek amal

TUTONG, KAMPUNG KANDANG SENGKARAI, Selasa, 7 September. - Dayang Rita binti Abdul Kadir bersama keluarga merasa lega, bersyukur dan selamat kerana diberi bantuan membaiki rumah mereka yang sebelum ini kurang selamat untuk didiami.

Majlis Penyampaian Gambar Rumah sebagai simbol menandakan selesainya projek amal membaiki rumah Dayang Rita, di alamat, No. 24 Simpang 188-57, telah pun disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhd. Taha bin Abd. Rauf.

Turut hadir Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Pegawai Pemerintah Operasi 'E' Bomba dan Penyelamat, SSFR Awang Tahir bin Haji Muktal yang juga selaku Pengerusi bersama program kerja amal tersebut dalam ucapan alu-aluan menjelaskan, projek kerja amal membaiki rumah Dayang Rita merupakan usahasama tiga buah

Berita dan Foto :
Shari Haji Garib

agensi kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Daerah Tutong (JDT).

Bahan binaan projek tersebut menurutnya adalah bantuan JDT dan JAPEM sementara tenaga kerja adalah JBP cawangan Daerah Tutong dengan keramaian tujuh orang tenaga dan diketuai oleh Timbalan Pegawai Balai, Awang Ajak bin Haji Jais.

Projek amal pembaikan rumah tersebut katanya telah bermula pada, 6 Ogos 2010 dan siap sepenuhnya pada 7 September 2010.

Kerja-kerja pembaikan menurutnya, ialah seperti menggantikan sebahagian besar tiang-tiang rumah yang sudah rosak dan buruk, menggantikan sebahagian gelagar, lantai dan dinding yang rosak, menggantikan beranda dan membuat baru seperti tangga di bahagian dapur dan depan rumah dan mencat keseluruhan bahagian luar rumah.

PROJEK amal pembaikan rumah tersebut telah bermula pada 6 Ogos 2010 dan siap sepenuhnya pada 7 September 2010. Kerja-kerja pembaikan menurutnya, ialah seperti menggantikan sebahagian besar tiang-tiang rumah yang sudah rosak dan buruk, menggantikan sebahagian gelagar, lantai dan dinding yang rosak, menggantikan beranda dan membuat baru seperti tangga di bahagian dapur dan depan rumah dan mencat keseluruhan bahagian luar rumah.

- Pegawai Pemerintah Operasi 'E' Bomba dan Penyelamat, SSFR Awang Tahir bin Haji Muktal

Projek Kerja Amal tersebut tambahnya lagi, telah mendapat bantuan dan sumbangan daripada syarikat swasta iaitu Syarikat Haji Abd. Kani bin Kadir dan Anak-anak; Syarikat Haji Ismail bin Haji Ibarahim; Syarikat Kilang Papan Andulau; Syarikat Osner Sendirian Berhad dan

Syarikat Goh Keng Lee.

Majlis telah diakhiri dengan bacaan tahlil dan doa arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Md. Deli bin Haji Raya yang diikuti dengan Majlis Berbuka Puasa.

Cabaran Joran Ria 2010

JABATAN Bandaran memaklumkan bahawa Cabaran Joran Ria 2010, Sempena Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Ke-40 Tahun akan dibukakan kepada orang ramai pada 25 Ogos hingga 30 Oktober 2010.

Borang penyertaan bolehlah didapati di Tingkat 3, Bahagian IT dan E-Kerajaan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Kumbang Pasang, Brunei Darussalam BA1512 atau menghubungi terus kepada Setiausaha/Penolong Setiausaha Cabaran Joran Ria 2010, di talian 2232423 sambungan 302.

Yuran penyertaan berjumlah BND5 hendaklah dibayar semasa menghantar borang pertandingan dan setiap borang penyertaan yang dihantar dan sudah dibayar akan diberikan cap rasmi Jabatan Bandaran dan penyertaan tanpa resit yang sah tidak akan dilayan.

JAPEM berikan sumbangan amal kepada warga emas

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Rabu, 8 September. - Di atas dasar pemedulian yang berterusan terhadap warga emas dan mereka yang kurang berkemampuan di negara ini, aktiviti sumbangan amal di bulan Ramadan telah diungkapkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Aktiviti sumbangan amal bulan Ramadan telah berlangsung di tiga buah rumah kediaman penerima bantuan kebajikan bulanan dari JAPEM, berupa catuan makanan asasi bagi membantu penerima untuk persediaan menjelang Hari Raya.

Terdahulu, rombongan membuat kunjungan ke rumah salah seorang penerima warga emas iaitu Dayang Hajah Banun binti Haji Kamis, 70, yang tinggal di Kampung Bokok, merupakan seorang balu dengan menerima pencen tua sebanyak BND250 sebulan dan juga bantuan bulanan seratus ringgit.

Beliau menetap di rumah peninggalan suaminya, Awang

Haji Aji bin Jarut bersama seorang anaknya yang masih belum berkahwin serta tidak mempunyai pekerjaan tetap dan beliau mempunyai sembilan orang anak yang sudah berumah tangga dan tinggal berasingan.

Seterusnya rombongan berkunjung ke rumah Dayang Hajah Nisbah binti Tamin, 65, yang juga merupakan seorang balu dengan mempunyai empat orang anak dan penerima pencen tua dan bantuan kebajikan bulanan.

Kemudian rombongan ke rumah kediaman seorang lagi warga emas yang berusia 65 tahun iaitu Awang Pangis bin Buntar seorang bujang dan tinggal seorang diri di rumahnya di Kampung Gadong Baru, dengan menerima bulanan pencen tua dan juga agihan zakat daripada Majlis Ugama Islam Brunei selama setahun.

Sumbangan-sumbangan amal telah disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohammad bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad serta para pegawai KKBS dan JAPEM.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad bin Haji Abd. Rahman ketika menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima bantuan.

Bantuan barangan keperluan asasi



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima bantuan sumbangan barangan keperluan asasi.

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

TUTONG, Rabu, 8 September. - Kebajikan orang yang kurang berkemampuan dan saudara-saudara baru di negara ini terus mendapat pemedulian daripada pihak kerajaan, syarikat-syarikat perniagaan dan orang-orang perseorangan terutama dalam suasana menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Jabatan Daerah Tutong (JDT) juga tidak ketinggalan dengan mengadakan Sumbangsiah Hari Raya Aidilfitri Ke-2 bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Daerah Tutong dan Bahagian Da'wah Islamiah Daerah Tutong serta syarikat-syarikat perniagaan di Daerah Tutong, iaitu menghulurkan sumbangan bantuan dengan mengunjungi rumah-rumah kediaman keluarga kurang berkemampuan di Daerah Tutong.

Rombongan Sumbangsiah Hari Raya Aidilfitri Ke-2 telah mengunjungi 13 buah keluarga dan menyampaikan bantuan sumbangan berupa barangan keperluan asasi dan barangan bagi menampung keperluan

dalam sama-sama menyambut ketibaan bulan Syawal dan seterusnya meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Sumbangan bantuan yang dihulurkan merupakan sumbangan daripada Tabung Amal Kebajikan Daerah Tutong, JAPEM Daerah Tutong, pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Bahagian Da'wah Daerah Tutong, Perniagaan Teguh Raya, *Milimewah Department Store* dan *Leong Wui Enterprise*.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu; Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Madzneh bin Haji Md. Noor; Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Ghani bin Haji Othman; Pegawai Pencen-Pencen Kanan, Awang Suhaili bin Haji Jais dan wakil-wakil syarikat berkenaan.

Sumbangsiah Hari Raya Aidilfitri ini merupakan salah satu aktiviti JDT bersama agensi-agensi kerajaan bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan, dengan kegiatan yang bermanfaat dan mengharap keredaan daripada Allah dengan memberikan perhatian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan.

BLNG hulur sumbangan

BENGGURONG, Rabu, 8 September. - Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) menyerahkan sumbangan berjumlah BND5,000 kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sebagai sumbangan BLNG bagi menjayakan Bazaar Amal Pusat Ehsan 2010 nanti.

Berita dan Foto : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

Sumbangan diserahkan oleh wakil dari BLNG yang diketuai oleh Ketua Perkapalan dan Komersial/Perdagangan BLNG, Tuan Haji Awang Muhammad bin Burut dan diterima oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dasar dan

Perancangan, Pusat Ehsan, Tuan Haji Awang Ahmad bin Haji Abd. Rahman selaku wakil pusat tersebut.

Turut mengiringi Tuan Haji Awang Muhammad ialah Pemangku Ketua Perhubungan Luar, Awang Haji Mohammad

Sofian bin Haji Kipli dan Pegawai Perhubungan Hal Ehwal Kerajaan dan Masyarakat BLNG, Dayang Kamarjhan binti Abdul Aziz.

BLNG merupakan salah satu penyokong utama Bazaar Amal Tahunan Pusat Ehsan sejak ianya dilancarkan pada tahun 2006, di mana syarikat tersebut bukan hanya turut menyertai dalam Bazaar Amal malah juga telah meraih dan memberikan sejumlah sumbangan kepada dana.

Sementara itu, Bazaar Amal Pusat Ehsan 2010 akan berlangsung selama dua hari iaitu pada hari Sabtu, 2 Oktober dan Ahad, 3 Oktober 2010 bertempat di Pusat tersebut di Kampung Bengkurong.

Antara lain, bazaar amal ini bertujuan bagi mengutip dana untuk Pusat Ehsan yang akan digunakan bagi membiayai kos-kos pengurusan yang sedang berjalan dan akan datang bagi pusat ini dalam menyediakan pendidikan berkualiti, latihan, rawatan dan perkhidmatan pemulihan kepada insan-insan istimewa di pusat berkenaan.



AHLI Lembaga Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan, Pusat Ehsan, Tuan Haji Awang Ahmad bin Haji Abd. Rahman menerima sumbangan daripada Ketua Perkapalan dan Komersial/Perdagangan Syarikat Gas Cecair Asli Brunei, Tuan Haji Awang Muhammad bin Burut.

BENGKEL MEMBINA KEPIMPINAN AKAR UMBI

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 September. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, telah mengadakan program tiga hari *Bengkel Membina Kepimpinan Akar Umbi yang Berintegriti, Dinamik dan Berkesan* di Dewan Serbaguna, Bangunan KHEDN.

Seramai 25 orang

Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang termasuk pegawai-pegawai yang mengawasi Hal Ehwal Institusi Mukim dan Kampung di keempat-empat daerah menyertai bengkel yang bermula 4, 7 dan 8 September 2010.

Penyampaian sijil disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Roslan bin Haji Tajaah.

Antara objektif utama bengkel berkenaan adalah bagi membantu meningkatkan prestasi dan keupayaan kepimpinan akar umbi (daerah, mukim dan kampung) sebagai sebuah institusi atau jentera pentadbiran kerajaan yang berkesan di peringkat daerah, mukim dan kampung melalui pengetahuan dan kemahiran berfikir, memim-

pin, merancang, mengurus, bertindak dan berkomunikasi dengan cara yang moden, dinamik, inovatif dan strategik.

Konsultan Undangan daripada *PDY Management and Consulting*, Pengiran Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Pengiran Kula telah menyampaikan bengkel berkenaan.



PEGAWAI Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji Ahmad semasa menyampaikan taklimat mengenai pengertian makanan halal dan kebajikannya serta cara permohonan sijil halal.

TEMBURONG, Selasa, 7 September. - Lebih 30 orang terdiri daripada pengurus-pengurus syarikat, pemilik restoran serta premis makanan menghadiri Taklimat Permohonan Sijil Halal dan Label Halal 2005 Bagi Daerah Temburong bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Perjumpaan yang diadakan kali kedua ini adalah untuk membarigakan Penguatkuasaan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengarahkan Pegawai-pegawai Daerah dan Pengerusi-pengerusi Lembaga Bandaran untuk memberikan kerjasama ke arah mendapatkan sijil halal dan label halal.

Dapatkan sijil dan label halal

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Khatib Abdullah.

Kerajaan jelasnya, berhasrat untuk memperkenalkan dan menjadikan undang-undang supaya semua kedai-kedai makan mahupun restoran di negara ini mendapatkan sijil halal dan label halal demi kebaikan para penduduk di Negara Brunei Darussalam khususnya.

Beliau menyeru para pemilik restoran supaya dapat memberikan kerjasama ke arah mendukung hasrat kerajaan mendapatkan sijil halal di restoran masing-masing dan menguatkuasakan Perintah Sijil dan Label Halal di negara ini agar makanan yang ada di negara ini tidak akan diragui lagi kehalalannya.

"Ia juga penting bagi pendatang-pendatang yang datang ke daerah ini sama ada yang bertujuan untuk melancong atau berkunjung nanti akan dapat menikmati tanpa meragui akan kehalalan makanan yang mereka makan," tambahnya.

Pegawai Pelajaran, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji Ahmad di majlis ini juga menyampaikan taklimat yang antara lain menyentuh mengenai pengertian makanan halal dan kebajikannya serta cara permohonan sijil halal.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Pentadbir Tingkat Satu, Awang Szali bin Haji Timbang.

Taklimat turut dihadiri oleh para penghulu mukim dan ketua kampung di daerah ini.

Berita dan Foto :
Nurhidayah Haji Kamis



PEGAWAI Pentadbir Tingkat Satu, Awang Szali bin Haji Timbang hadir selaku tetamu kehormat di Taklimat Permohonan Sijil Halal dan Label Halal 2005 berserta para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Temburong.

JIPK keluarkan sembilan pas khas bagi siasatan lanjut

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 September. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Imigresen, semasa membuat Operasi Cepak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 138/2010 Bersepadu ke atas premis perniagaan atau restoran telah mengeluarkan sembilan pas khas bagi siasatan lanjut.

Semasa pegawai yang bertugas yang dibahagikan kepada tiga kumpulan membuat pemeriksaan ke atas premis perniagaan atau bahagian restoran, bahagian dapur bagi penyediaan catering dan bahagian salaian telah mendapati sembilan orang pesalah Imigresen yang melakukan pekerjaan di ketiga-tiga bahagian tersebut itu termasuklah juruwang restoran.

Lima orang terdiri daripada lelaki dan perempuan warganegara Filipina dan Indonesia didapati melakukan pekerjaan dengan menggunakan pas melawat iaitu bekerja sebagai pelayan, menjual di bahagian salaian dan juga bekerja mengupas bawang di dapur penyediaan bahan untuk catering.

Tiga orang, seorang daripadanya perempuan warganegara Indonesia jaminan majikan restoran lain didapati bekerja di restoran tersebut dan seorang perempuan dan lelaki warganegara Filipina, anak dan isteri kepada tuan punya restoran keduanya jaminan pas tanggungan bekerja di juruwang dan di dapur.

Apa yang difahamkan bahawa restoran berkenaan

an dijalankan oleh suami perempuan tersebut juga warganegara Filipina.

Pekerja yang didapati menyalahgunakan pas imigresen mengenakan baju jenis Polo hitam merah dan bertopi serta ada tertera nama restoran berkenaan.

Ke semua mereka ini dikeluarkan *special pas* bagi siasatan lanjut, manakala itu pemilik asal restoran dikeluarkan surat panggilan bagi membantu siasatan.

Sementara Bahagian Pencegah Jabatan Kastam dan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah pun mendapati kira-kira 63.5 kilo daging tongkeng ayam mentah di bahagian dapur bagi penyediaan catering, pihak restoran gagal untuk memperlihatkan



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang Imigresen semasa membuat serbuan ke atas sebuah restoran yang mendapati daging tongkeng ayam yang diragui kehalalannya.

kepada pegawai bertugas resit pembelian bagi memastikan kehalalan daging berkenaan.

Daging tongkeng berkenaan telah pun dibawa dan ditahan bagi bahan bukti untuk membantu siasatan.

Semasa pemeriksaan di bahagian berkenaan pekerja restoran berkenaan sibuk mengupas bawang bagi tempahan penyediaan bahan makanan bagi majlis tadarus di salah sebuah masjid.

Isteri pemilik restoran telah pun diarahkan oleh pegawai bertugas untuk membuat urusan ke Bahagian Kawalan Makanan Halal bagi membantu siasatan.

Operasi bersepadu bertujuan bagi menyatupadukan agensi penguatkuasaan

di negara ini dengan mengongsikan maklumat bersama dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan masing-masing serta mengelakkan maklumat berganda daripada semasa ke semasa akan mempergiatkan lagi operasi bersama agensi penguatkuasaan yang lain berpandukan kepada penilaian ke atas maklumat yang ada.

Pihak imigresen sekali lagi mengingatkan agar pihak majikan tidak akan mengambil bekerja pesalah imigresen atau akan berdepan dengan tindakan undang-undang.

Pihak JIPK juga meminta kerjasama orang ramai bagi memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dan pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.

Jabatan Imigresen tahan pendatang haram

KUALA BELAIT, Isnin, 30 Ogos. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Bandar Seri Begawan yang menjalankan pemeriksaan biasa berjaya menahan sebuah kereta jenis Pajero warna putih berdaftar KE6962 yang dipandu oleh seorang lelaki melalui di kawasan jalan perumahan setinggan Api-Api Kampung Baru Setia.

Operasi empat anggota yang diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan itu bertindak atas kerjasama dan maklumat daripada orang ramai berhubung dengan maklumat pendatang haram, telah pun membuat intipan dan kemudiannya menahan sebuah kereta jenis Pajero warna putih berdaftar KE6962 yang dipandu oleh seorang lelaki menyatakan untuk menjemput pulang anak-anak daripada sekolah.

Lelaki berkenaan dikenali dengan nama, Salleh anak Tom berbangsa Iban warganegara Malaysia mengakui telah pun beristeri dan mempunyai tiga orang anak, dua daripadanya masih bersekolah, anak dan isterinya adalah penduduk tetap negara ini juga berbangsa Iban.

Pada mulanya Salleh tidak memberi kerjasama dan menyatakan mem-



PEGAWAI yang bertugas semasa menjalankan pemeriksaan kepada seorang pemandu kereta jenis Pajero di kawasan jalan perumahan setinggan Api-Api Kampung Baru Setia, Kuala Belait.

punyai passport akan tetapi kemudiannya ia mengakui masuk dan tinggal di negara ini secara haram selama dua tahun lebih.

Melalui pengakuannya bahawa dalam tahun 1993 dia mengakui pernah mempunyai passport dan telah pun keluar daripada negara ini melalui Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh dipercayai pada masa ini telah pun mansuh.

Memandangkan dia masih mempunyai keluarga di negara ini lalu masuk secara haram ke negara ini melalui kawasan hutan asam paya iaitu di kawasan sempadan di Sungai Tujoh dan menyatakan ianya memakan masa empat jam lebih dengan berjalan kaki dan meredah hutan.

Ke arah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan negara, pihak JIPK berterima kasih di

atas kerjasama orang ramai dalam mengawasi negara ini daripada pesalah imigresen dan sekali lagi memohon kerjasama orang ramai bagi memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dan pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya. Dengan menghubungi di talian *hotline* jabatan : 2383555, 2383777 Bandar Seri Begawan, 3331879, 3341938 Kuala Belait, 5221222, 5221221 Temburong dan 4221977 Tutong.

Jika sabit kesalahan, masuk dan tinggal di negara ini tanpa mempunyai pas imigresen yang sah/pendatang haram hukuman penjara tidak kurang daripada tiga bulan dan tidak melebihi dua tahun dan sebat tidak kurang daripada tiga kali sebatan.

Sambutan Hari Raya penuh dengan melambangkan ciri-ciri keislamannya

Oleh : Siti Zuraiyah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 September. - Kesempatan untuk berhari raya dan beramah mesra dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta seluruh kerabat diraja yang lain merupakan satu kenangan indah yang tidak akan dapat dilupakan seumur hidup.

Begitulah pengalaman para pembesar-pembesar negara dan perwakilan asing serta isteri masing-masing yang bertugas di negara ini, yang mana peluang dan kenangan seumpama itu amat berharga sekali bagi mereka untuk turut sama meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri lebih-lebih lagi dengan raja yang dikasihi oleh segenap penduduk di negara ini.

Isteri Timbalan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini, Puan Damos, ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI di hari pertama sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman berkata, sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini dilihat begitu penuh dengan tradisinya dan adat budaya yang melambangkan ciri-ciri keislamannya.

Memandangkan beliau baru hampir dua tahun berada di negara ini, apa yang dilihatnya, sambutan Hari Raya sangat meriah dengan semua sanak saudara saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain dan mengeratkan lagi silaturahmi yang sudah lama terjalin.

Kunjungan dan kesempatan yang diberikan beramah mesra dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain pada Hari Raya pertama ini jelasnya merupakan suatu perasaan yang hebat dan jarang dapat dirasakan tambahan lagi dapat bersua muka dengan kerabat-kerabat diraja.

“Saya pastinya akan merasakan keseronokan sambutan Hari Raya ini bersama teman-teman yang lain juga,” ujarnya.

Sementara itu bagi isteri Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sayyid Fakhri bin Mohammed bin Said Al-Said, Puan Ibtisam Al-Said, sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini adalah yang kedua dirai-kannya di negara ini dan yang pertama berkunjung dan meraikan di Istana Nurul Iman.

“Sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini adalah sangat unik dan menarik dan tidak pernah saya rasai sebelum ini,” terangnya.

Menurutnya, sambutan Hari Raya yang dibuat di negara ini tidak kurang bezanya dengan di Oman, cuma di sini ianya disambut penuh keunikan dan tradisi dengan pelancong-pelancong juga diberikan peluang untuk beramah mesra dan mengucapkan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lainnya.

Tambahnya lagi, kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini akan berlangsung selama tiga hari sahaja di mana ahli-ahli keluarga dan sahabat handai akan berkunjung antara satu sama lain merai-kannya, tetapi di negara ini kemeriahan tersebut dirasakan hampir sebulan di sepanjang bulan Syawal ini.

Isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Puan Julia Fenn juga menyatakan peluang bertemu dan beramah mesra dengan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri di samping dapat bertemu juga dengan isteri-isteri pembesar negara dan perwakilan asing yang lain-nya.

Iman menjelaskan ia merupakan satu peragaan yang menyeronokkan dan sangat teruja dapat merai-kannya dengan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri di samping dapat bertemu juga dengan isteri-isteri pembesar negara dan perwakilan asing yang lain-nya.

Justeru katanya, Brunei sungguh beruntung kerana mempunyai seorang raja yang berwibawa tinggi dan adil lagi bijaksana dengan memberikan peluang keemasan seperti itu yang jarang terdapat di mana-mana negara.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-



"SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri di negara ini adalah sangat unik, menarik dan tidak pernah saya rasai sebelum ini," terang isteri Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Ibtisam Al-Said.



"BRUNEI sungguh beruntung kerana mempunyai seorang raja yang berwibawa tinggi dan adil lagi bijaksana dengan memberikan peluang keemasan seperti itu yang jarang terdapat di mana-mana negara," terang isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Puan Julia Fenn.



ISTERI Timbalan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini, Puan Damos menyifatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini penuh dengan tradisinya dan adat budaya yang melambangkan ciri-ciri keislamannya.

Lahirkan rasa gembira dapat menatap wajah raja yang dikasihi

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 September. - Pengalaman berhari raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman merupakan

suatu peristiwa yang indah dan sukar dilupakan dalam urutan kenangan seseorang.

Berkunjung ke tempat yang paling indah di negara ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan kegembiraan merupakan suatu kesempatan yang sukar diperolehi pada hari-hari kebiasaannya apa-tah lagi pada saat ini kita juga dapat menatap secara dekat dan bersalaman dengan raja yang disayangi sambil mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Peluang seumpama ini jelas digambarkan melalui beberapa orang pengunjung yang ingin sama-sama mengongsikan kegembiraan mereka.

Paul Chiew Yun Choi dari Persatuan Bulan Sabit Merah melahirkan perasaan gembira kerana dapat memanfaatkan kesempatan dengan sebaik-baiknya untuk berkunjung dan bersalaman dengan para kerabat diraja khususnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selain dapat memberikan perkhidmatan kepada orang ramai yang hadir, di sini.

Dalam kesempatan ini juga beliau berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana pada tahun ini persatuan tersebut telah diberi peluang untuk memberi khidmat semasa Istana Terbuka.

Menyentuh kemeriahan berhari raya di Istana Nurul Iman beliau menyatakan bahawa paling istimewa dapat melihat sendiri betapa gembiranya rakyat dan penduduk di negara ini untuk bertemu dengan pemimpin yang dikasihi iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta ahli kerabat yang lain jelas terpancar dari raut wajah masing-masing.

Kegembiraan seperti ini turut dikongsi sama dengan salah seorang lagi anggota pasukan beruniform iaitu Awang Erwan Haji Adnan dari Pasukan Bomba Temasik.

Katanya kesempatan berhari raya di Istana Nurul Iman ini sangat dinanti-nantikan oleh kebanyakan masyarakat di negara ini malah juga turut diambil kesempatan oleh warga asing yang berada di negara ketika ini.

Kehadiran orang ramai ke istana pada tahun ini terutama pada sebelah pagi ini amat ramai sekali malah kehadiran mereka ini dapat disaksikan se-

awal pagi lagi.

Mungkin perkara ini disebabkan oleh kerinduan rakyat dan masyarakat untuk berjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda setelah tahun lalu majlis seperti ini ditiadakan oleh sebab Influenza A (H1N1).

“Saya yakin kehadiran orang ramai untuk bertemu baginda berserta ahli kerabat yang lain untuk menyebarkan ucapan selamat lebaran pasti akan terus meningkat terutama dalam masa dua hari ini yang seterusnya menyemarakkan lagi suasana indah berhari raya di sini, ujar beliau.

Terbukanya istana buat kunjungan orang ramai tanpa mengira peringkat usia sama ada dari yang anak hingga kepada yang berpangkat nenek-nenek dan datuk ini secara langsung menggambarkan hubungan erat dan rapat antara raja dan rakyat.

Kehadiran orang ramai ini juga nyatanya ada baik-baiknya kerana secara tidak langsung dapat menemukan rakan-rakan lama yang telah lama tidak bertemu sekali gus meningkatkan lagi keseronokan tersebut.

Manakala Shuk Bahadur Gurung dari Pasukan Simpanan Gurkha Sungai Akar melahirkan perasaan kagum dengan kehadiran orang ramai ke Istana Nurul Iman hanya semata-mata untuk berkunjung kepada pemimpin mereka.

“Peristiwa ini sungguh istimewa dan sukar dite-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.

Beliau seterusnya menyifatkan Majlis Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman itu sebagai sangat istimewa dan bererti-

peramah dan bersopan santun serta berbudi bahasa yang mana beliau merasakannya sejak pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini bersama suaminya.



AWANG Faisal bin Haji Salleh dari Kampung Sungai Besar, 25, pertama kali berkunjung ke Istana Nurul Iman untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri (kiri). Sementara gambar (kanan), Awang Mohd. Iqbal Syaraffuddin bin Ibrahim, 15 tahun berasal dari Kampung Mentiri.



PAUL Chiew Yun Choi dari Persatuan Bulan Sabit Merah melahirkan perasaan gembira dapat menjunjung ziarah dan bersalaman dengan kerabat diraja.



AWANG Erwan bin Haji Adnan dari Pasukan Bomba Temasik melahirkan kegembiraan dapat berhari raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

mui di negara lain,” ujar beliau.

Saya tidak menyangka kemeriahan Hari Raya seumpama ini sekali pun saya sudah berada di negara ini selama lapan tahun, namun pada tahun ini ia merupakan kali pertama saya mendapat peluang untuk bersalaman dengan baginda dan ahli kerabat diraja yang lainnya.

Saya yakin kehadiran yang ramai ini menyatakan hubungan yang baik dan sayangnya rakyat kepada pemimpinnya.

TITAH BAGINDA DISANJUNGI TINGGI

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Abdullah Haji Awang Damit



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (kiri); Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor (tengah) dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim (kanan) semasa ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

BERKUNJUNG ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan satu tradisi ke arah mengeratkan hubungan silaturahim antara raja dengan rakyat.

Dengan memanfaatkan kesempatan untuk berkunjung di hari mulia itu dapat mengenal lebih dekat lagi raja yang juga selaku pemimpin negara yang sangat prihatin terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat.

Beberapa orang pembesar negara ditemui melahirkan rasa terharu dapat beramah mesra berpeluang mengunjungi dan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja di Istana Nurul Iman.

Ketika ditemu bual oleh wakil Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Ka-

ya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh, berpendapat dengan kesempatan untuk berkunjung di hari mulia ini bersama pemimpin yang dikasihi dapat mengenal lebih dekat lagi raja yang juga selaku pemimpin negara yang sangat prihatin terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat.

Di samping kita meraikan dan menggembarakan bulan kemenangan ini, seperti dalam titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2010, tegas Yang Berhormat Paduka, baginda mengingatkan agar janganlah kita mensia-siakan ibadat dan janganlah kita menjerumuskan diri dengan perkara-perkara sia-sia yang menyalahi agama seperti sikap segelintir orang yang menjadikan Hari Raya penuh dengan kegiatan-kegiatan anti taat se-

perti terlampau sibuk dengan aktiviti-aktiviti hiburan dan seumpamanya.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Hayati menegaskan setiap rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama menyahut amanat baginda yang menyentuh beberapa isu-isu yang tercetus dari masalah sosial yang semakin meningkat dan membimbangkan kita.

Menurutnya, titah baginda itu adalah amat tepat sekali sebagai satu peringatan khasnya kepada penduduk di negara ini terutama sekali kaum belia yang mana pada ketika ini kita semua asyik meraikan Hari Raya yang mubarak ini.

"Akan tetapi, janganlah sesekali kita abaikan tanggungjawab yang ada seperti memiliki perasaan kekeluargaan iaitu kasih sayang kerana ianya ada-

lah perkara yang mustahak bagi menghindarkan para belia daripada anasir-anasir yang tidak elok seperti penyalahgunaan dadah kerana dengan adanya perasaan kasih sayang antara keluarga dan sahabat handai, dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan menanamkan sikap yang positif," jelas Yang Berhormat.

Ketika ditemui, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim, berpendapat titah itu adalah menjadi ingatan dan pegangan bagi rakyat dan penduduk negara ini terutama yang beragama Islam demi meningkatkan amalan-amalan beragama dan menjalankan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sesuai dengan hasrat negara untuk menjadikan sebagai sebuah *Negara Zikir* dan

sentiasa mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat keberkatan dari langit dan bumi.

"Itulah agama yang mana ajarannya tidak mengalami sebarang perubahan. Jika seribu lebih tahun dahulu orang menyambutnya dengan takbir, maka sekarang pun kita menyambutnya dengan takbir juga dan malah, ungkapan takbir itu tidak berubah bertepatan dengan titah baginda," ujar Dr. Hajah Masnon lagi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor pula melahirkan kesyukuran, kita kerana mempunyai seorang raja yang berjiwa rakyat yang sentiasa pemedulian terhadap nasib rakyat baginda bagi golongan tertentu yang terdiri dari orang-orang ber-

keperluan khas, anak-anak yatim, pesakit-pesakit bantuan kebajikan asnaf zakat fakir dan miskin baru-baru ini.

Kurnia peribadi dari seorang raja yang sangat pengasih dan penyayang akan rakyatnya bukan sahaja menggembarakan tetapi yang mustahak dapat meringankan beban perbelanjaan golongan tersebut apa lagi dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang dalam beberapa hari sahaja lagi.

Menurut Yang Berhormat, jumlah yang dikurniakan adalah jumlah yang besar dan tentunya para penerima juga akan menggunakan dengan jalan sebaik-baiknya dan sentiasa menghargai pengurniaan yang penuh bermakna ini. Inilah mesej sebenarnya yang baginda hasratkan ia

itu bagi membolehkan golongan tertentu merayakan bersama perayaan Aidilfitri dalam suasana keriaangan dan keceriaan dan bukannya dalam kepahayan dan kesusahan.

Ini adalah selaras dengan titah baginda agar supaya beringat-ingat di musim perayaan seperti yang kita raikan ketika ini kadangkala disalahertikan oleh sesetengah masyarakat yang mana ada kalanya disambut dengan berlebih-lebihan sehinggalah berlakunya pembaziran dan terpesong ke arah yang salah.

Inilah hakikatnya, Brunei bumi bertuah mempunyai pemimpin dan seorang raja yang benar-benar berjiwa rakyat yang memedulikan kehidupan rakyat jelata," tegas Yang berhormat lagi.

Berhari raya di Istana Nurul Iman wujudkan perpaduan dan keharmonian

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 September. - Para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai kaum sama ada dari masyarakat tempatan mahupun dari luar negara sememangnya menantikan detik manis untuk berkunjung ziarah semasa lebaran Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

Timbalan Pegawai Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Zulkefle bin Haji Ali ketika ditemu bual wakil PELITA BRUNEI di Istana Nurul Iman menyatakan para pengunjung yang datang dari pelbagai kaum selain dari meraikan hari lebaran, ia juga dapat mengeratkan tali silaturahim dengan tidak mengira bangsa, agama dan negara.

"Dengan adanya perkumpulan seperti ini dapat memberikan satu kemufakatan dalam mewujudkan satu perpaduan rakyat

dan negara yang harmoni dan sejahtera," ujarnya.

Bagi PC 5389 Awang Suhadi bin Haji Suhai dari Ibu Pejabat Daerah, Panaga, Kuala Belait pula merasakan peluang keemasan junjung ziarah itu dapat mengenali para pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dari daerah-daerah lain beramah mesra dengan secara lebih dekat di samping bersua muka bersama mereka.

"Dalam kemeriahan suasana Hari Raya ini setiap para pegawai dan anggota dapat berinteraksi di samping bertukar-tukar idea serta bermaaf-maafan dan menambah kemesraan sesama kami dalam pasukan bagi memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara," ujarnya.

Sementara itu, bagi ketiga belia dari Daerah

Temburong melahirkan rasa kegembiraan yang tidak terhingga dapat berjunjung ziarah bersama raja yang dikasihi berserta kerabat diraja yang lain.

Awang Muhd. Baihaqi bin Bakar, 18, Awang Mohd. Fazli Subhan bin Ahmad Yani, 18, dan Awang Md. Rafiuddin bin Haji Mohd. Salleh, 16, merupakan ahli Pasukan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan masih menuntut di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong juga tidak mahu melepaskan peluang yang hanya ada sekali setahun itu.

"Kami berbangga menjadi warganegara Brunei Darussalam, di samping mempunyai raja yang penyayang serta berjiwa rakyat," kata salah seorang daripada mereka.

Mereka juga berpendapat dengan adanya majlis seumpama itu dapat lagi dijadikan satu kenangan manis yang tak dapat dilupakan terutama sekali

kepada para pelancong asing serta akan menjadi ristaan apabila mereka pulang ke negara masing-masing nanti.

DENGAN adanya majlis seumpama itu dapat lagi dijadikan satu kenangan manis yang tak dapat dilupakan terutama sekali kepada para pelancong asing serta akan menjadi ristaan apabila mereka pulang ke negara masing-masing nanti.



"DENGAN adanya perkumpulan seperti ini dapat memberikan satu kemufakatan dalam mewujudkan satu perpaduan rakyat dan negara yang harmoni dan sejahtera."

- Timbalan Pegawai Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Zulkefle bin Haji Ali

"DALAM kemeriahan suasana Hari Raya ini setiap para pegawai dan anggota dapat berinteraksi, di samping bertukar-tukar idea serta bermaaf-maafan dan menambah kemesraan sesama kami dalam pasukan bagi memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara."

- PC 5389 Awang Suhadi bin Haji Suhai

"KAMI berbangga menjadi warganegara Brunei Darussalam di samping mempunyai Raja yang penyayang serta berjiwa rakyat."

- Awang Muhd. Baihaqi bin Bakar, 18, Awang Mohd. Fazli Subhan bin Ahmad Yani, 18, dan Awang Md. Rafiuddin bin Haji Mohd. Salleh, 16

BERHARI RAYA BERSAMA RAJA

21,731 menjunjung ziarah di sebelah pagi, 14,049 di sebelah petang pada hari ketiga Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

Oleh : Sahari Akim, Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Abdulah Haji Awang Damit, Ramli Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah secara berasingan dari orang ramai bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri di hari ketiga Istana Nurul Iman dibuka untuk kunjungan orang ramai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah pengunjung lelaki, manakala di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah pengunjung perempuan.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lain.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Hesnani serta cucunda-cucunda baginda.

Di sebelah pagi, sejumlah 21,731 orang telah mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Mereka yang mengadap dan menjunjung ziarah terdiri dari pelbagai peringkat usia dan bangsa melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pasukan beruniform, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan, rakyat dan penduduk negara ini serta warga asing yang bekerja dan melawat ke negara ini.

Sejurus selepas mengadap dan menjunjung ziarah, setiap pengunjung menerima sebuah kotak berwarna kuning berisi *campur* dan kad ucapan Hari Raya yang di dalamnya menampilkan gambar wajah Kebawah DYMM sebagai tanda kenang-kenangan, sementara bagi pengunjung kanak-kanak menerima sampul surat hijau berisi wang.



kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana
bukti-bukti kamu mestilash diserahkan-simpan
kepada saya tidak dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemitutang yang telah
menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang
diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Tarikh Pemohon : 12 Jun 2010
Semua siputang-siputang kepada nama
penghutang yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang bukit hutang
yang boleh diperolehi di Pejabat pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

KEBANKRAPAN NO 73 TAHUN 2004

STANDARD CHARTERED BANK
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
NORIZAN BIN ABDUL KADIR
(K.P. Brunei No.00-00-275346-Kuning)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada 14 Ogos 2010.

Nama dan alamat Bankrap:
Norizan bin Abdul Kadir
No. 104, Simpang 82, Perumahan STKRJ,
Kampung Rimba, Gadong BE3319 ,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Pemohon : 11 November 2009

Semua siputang-siputang kepada nama
penghutang yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang bukit hutang
yang boleh diperolehi di Pejabat pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

KEBANKRAPAN NO 376 TAHUN 2006

READYMIX CONCRETE (B) SDN BHD
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
1. HAJAH JAFRIAH BINTI AWANG JAIR
2. ZOHARI BIN HAJI IBRAHIM
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada 14 Ogos 2010.

Nama dan alamat Bankrap:
Hajah Jafriah binti Awang Jair
No. 12, Simpang 331, Kampung Kapok, Muara
BT2328, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Pemohon : 12 Jun 2010

Semua siputang-siputang kepada nama
penghutang yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang bukit hutang
yang boleh diperolehi di Pejabat pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Semua siputang-siputang kepada nama
penghutang yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang bukit hutang
yang boleh diperolehi di Pejabat pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.



**DI DALAM MAHKAMAH
TINGGI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BANDAR SERI
BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO 594 TAHUN 2009

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**HAJI AZMEY BIN HAJI CHUCHU
BYIC No. 00-264555**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **14 Ogos 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
HAJI AZMEY BIN HAJI CHUCHU
No. 6, Simpang 154-6, Jalan 77, Kg Perpindahan
Lambak Kanan, Berakas
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 12 Jun 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh **14
Ogos 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
6 Oktober 2010 jam, 10:15 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **6 oktober 2010 Jam 10:15 pagi**

Bertarikh : 18 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 13 TAHUN 2010

BAIDURI BANK BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**ZULFIKRI BIN HAJI MASRI
BYIC No. 00-112168**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **29 Julai 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
ZULFIKRI BIN HAJI MASRI
No.62, Simpang 326, Kampong Perpindahan
Serasa, Muara BE1728
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 Mei 2008

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh **29
Julai 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
29 September 2010, Jam 9:45 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **29 September 2010, Jam 9:45
pagi**.
Bertarikh : 14 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 239 TAHUN 1998

HSBC FINANCE (B) BERHAD (MAF)

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**TAJUDDIN BIN HJ SULAIMAN
@TINGGAL AMUD
BYIC No. 00-047721**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **1 Mei 1999 telah
dibatalkan pada 7 Ogos 2010**.
Nama Penghutang:
TAJUDDIN BIN HJ SULAIMAN@TINGGAL
AMUD

No.3390, Kg Ratan
Labi, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 14 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 32 TAHUN 2008

BAIDURI BANK BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

HERATINI BINTI KONDIN

BYIC No. 00-265991

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **8 Julai 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
HERATINI BINTI KONDIN
No. 19, Simpang 487, Kg Bukit Bunga, Jalan
Jerudong BG3322,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 28 Jun 2008

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh **8
Julai 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22
September 2010, Jam 10:15 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **22 September 2010, Jam 10:15
pagi**.
Bertarikh : 14 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 197 TAHUN 1998

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**NORIDAYATI BINTI ABDULLAH
(K.P. Brunei No.00-254136 - Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **31 Oktober
2009**.

Nama dan alamat Bankrap:
NORIDAYATI BINTI ABDULLAH
Barek 360, No. B4

Spg. 198-82, Lorong 3 Selatan, Seria
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 17 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 183 TAHUN 2007

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**AHMAD BIN IBRAHIM
(ABDB No.00-04770)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **29 Julai 2010**.
Nama dan alamat Bankrap:
AHMAD BIN IBRAHIM
c/o Mess Pegawai, Angkatan Tentera Laut,
Muara Camp,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Pemohonan: 2 November 2009

KEBANKRAPAN NO 319 TAHUN 2001

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**AWANG AZAHARI BIN HJ MOHAMAD
(K.P. Brunei No.00-056531 - Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **19 Ogos 2010**.
Nama dan alamat Bankrap:
AWANG AZAHARI BIN HJ MOHAMAD
No.43, Spg, 38-56, Kg Bukit Bertuah
Jalan Sengkurong 'B' Bandar Seri Begawan
BG1721
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Pemohonan: 24 Mac 2010

KEBANKRAPAN NO 318 TAHUN 2001

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**DY ASBAH BINTI GAPAR@HASBAH
(K.P.Brunei No.00-073001 -Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap

Penghutang yang berikut pada **19 Ogos 2010**.
Nama dan alamat Bankrap:
DY ASBAH BINTI GAPAR@HASBAH
No. 43, Spg, 38-56, kg Bukit Bertuah,
Jalan Sengkurong , 'B' Bandar Seri Begawan
BG1721
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Pemohonan: 24 Mac 2010

KEBANKRAPAN NO 141 TAHUN 2007

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**MOHAMMAD DOON BIN HUSSIN
(K.P. Brunei No.00-123245 - Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **14 Ogos 2010**.
Nama dan alamat Bankrap:
MOHAMMAD DOON BIN HUSSIN
No.6,Flat Sekolah Menengah Pg Isteri
Hjh Mariam, Serasa.
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Pemohonan: 3 Mei 2010

KEBANKRAPAN NO 152 TAHUN 2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**AWG HAMDILLAH BIN NAWI
(K.P.Brunei No.00-121946 -Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **5 Ogos 2010**.
Nama dan alamat Bankrap:
AWG HAMDILLAH BIN NAWI
No. 123, Spg 342-22 STKRJ kampong
Tungku Gadong BE2519
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Pemohonan: 12 Oktober 2009

KEBANKRAPAN NO 431 TAHUN 2009

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**SAIRUL NOR HAZIMIN BIN HAJI
JAMBOL
BYIC No. 00-257812**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **14 Ogos 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
SAIRUL NOR HAZIMIN BIN HAJI
JAMBOL
No. 2,Lot 144 Simpang 637-84-26-11
Kampong Perpindahan Lambak Kiri, Berakas
BB1214
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 26 Jun 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh **14
Ogos 2010**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
6 Oktober 2010, Jam 10:00 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **6 Oktober 2010, Jam 10:00
pagi**.
Bertarikh : 18 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 648 TAHUN 2009

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**RAEMAH BINTI RAJALI
BYIC No. 30-200757**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **12 Jun 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
RAEMAH BINTI RAJALI
Site B, G11, Jalan Ratna Indra, Pantai Berakas

BB1214
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 Mei 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh
12 Jun 2010.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
6 Oktober 2010, Jam 9:15 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **23 September 2010, Jam 9:15
pagi**.
Bertarikh : 18 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 486 TAHUN 2008

HSBC FINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**MOHAMMAD ALLI AWG HAJI ZAINI
BYIC No. 00-054891**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
MOHAMMAD ALLI AWG HAJI ZAINI
No. 5, Simpang 185-50, Kg katok, Gadong,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 Mei 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh
10 Jun 2010.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
6 Oktober 2010, Jam 9:30 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **6 Oktober 2010, Jam 9:30 pagi**
Bertarikh : 18 Ogos 2010

KEBANKRAPAN NO 569 TAHUN 2009

**STANDARD CHARTERED FINANCE (B)
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs

**ROHANI BIN HAJI ALI
BYIC No. 00-250610**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa:
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap
Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2010**.
Nama dan alamat terakhir diketahui:
ROHANI BIN HAJI ALI
No. 16, Simpang 326-36, Kg Perpindahan
Serasa, Muara BT1748,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 30 Mac 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK
PERJUMPAAN PERTAMA**

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh
10 Jun 2010.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada
6 Oktober 2010, Jam 9:45 pagi.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **6 Oktober 2010, Jam 9:45pagi**
Bertarikh : 18 Ogos 2010

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Semua siputang-siputang kepada nama
penghutang yang tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang bukti hutang
yang boleh diperolehi di Pejabat pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang- hutang yang seharusnya dibayar
kepada penghutang tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana
bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemitutang yang telah
menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang
diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Khutbah Aidilfitri bagi masjid-masjid seluruh Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1431 Hijriah/2010 Masihi

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

PADA hari ini marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan penuh iman dan khusyuk tawaduk kerana mengurniakan kepada kita nikmat dan kelebihan pada menjadikan Hari Raya Aidilfitri sebagai amalan ibadat orang Islam. Aidilfitri sebenarnya bukanlah satu hari perayaan biasa dalam makna bersuka gembira secara uruf duniawi dengan makan minum, atau ada pula perayaan yang lebih dari itu dengan mengadakan majlis-majlis sambutan yang di luar batas hukum syarak dikaitkan dengan Hari Raya Aidilfitri. Hari ini Aidilfitri ialah hari perayaan bersifat agama kalau kita mengikut aturan syarak maka orang yang merayakan Hari Raya ini mendapat pahala kerana ia dikaitkan dengan puasa Ramadan. Kalau tidak ada puasa Ramadan maka tiada ada Aidilfitri. Aidilfitri ertinya Hari Raya yang diraikan kerana kejayaan menunaikan perintah Allah puasa Ramadan. Jadi orang yang tidak berpuasa tidaklah ada erti dia merayakan Aidilfitri. Hendaklah kita umat Islam ingat bahawa setiap gerak langkah dan amal perbuatan kita itu berpunca daripada suruhan atau larangan Allah. Firman Allah dalam Surah Al An'aam, ayat 162-163, tafsir-Nya:

"Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Pencipta dan Pentabir Sekalian Alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan itu aku diperintahkan dan aku adalah orang yang mula-mula menyerah diri kepada Allah di kalangan umatku."

Apabila kita umat Islam sepenuh jiwa raga mengingati dengan iman dan ihsan bahawa semua kerja dan perbuatan kita itu semata-mata kerana Allah maka hasilnya kita akan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah seperti firman-Nya dalam Surah At Taubah, ayat 120-121, tafsir-Nya:

"Yang demikian kerana sesungguhnya tiap-tiap kali mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar dalam perjuangan pada jalan Allah, dan tiap-tiap kali mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir, dan juga tiap-tiap kali mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh melainkan semuanya itu ditulis bagi mereka pahala amal yang soleh. Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berpuasa memperbaiki amalannya. Dan tidak pula mereka membelanjakan sesuatu perbelanjaan yang kecil atau yang besar dan tidak mereka melintasi sesuatu lembah melainkan ditulis pahala bagi mereka, supaya Allah membalas dengan balasan yang lebih baik dari apa yang mereka telah

Raikan Hari Raya secara sederhana

KHUTBAH PERTAMA

kerjakan."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Wahai umat Islam alangkah sangat pemurahannya Allah itu! Setiap perbuatan baik dalam suka dan duka, lapar dahaga, penderitaan, sedekah dan sebagainya dibalas dengan pahala, tetapi sebahagian daripada kita seolah-olah tidak ingin kepada pahala. Mereka hanya menyukat pahala dengan balasan dunia yang berupa kesenangan dunia dan wang ringgit serta pangkat dan kedudukan.

Sebab itulah kita melihat sebahagian umat Islam melebihi amal hidup yang merupakan keperluan duniawi sementara ini dan kurang menghargai ganjaran yang diberi oleh Allah. Mungkin kerana pahala itu tidak kelihatan bukan seperti wang ringgit.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al'Alaa, ayat 14-17, tafsir-Nya:

"Sesungguhnya berjajalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya dengan taat dan amal yang soleh. Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya, serta mengerjakan sembahyang dengan khusyuk. Tetapi kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian, bahkan kamu utamakan kehidupan dunia. Padahal kehidupan Akhirat lebih baik dan lebih kekal."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Wahai umat Islam, merayakan hari ini tidaklah tercapai dengan hanya menghidangkan juadah, minuman yang mewah sampai kepada tahap membazir, bukanlah dengan mengadakan pesta-pesta dan sambutan sehingga tinggal waktu sembahyang atau tinggal waktu bekerja di pejabat-pejabat. Dalam masyarakat kita perkara-perkara seumpama ini telah menjadi suatu budaya, tetapi budaya seperti ini sebenarnya adalah penyakit yang semakin menular mendatangkan kesan yang tidak sihat kepada sistem kehidupan kita terutamanya membazirkan makanan dan minuman serta membanyakkan perbelanjaan yang se-

benarnya tidak diperlukan. Dan kedua, membuang masa bekerja sedangkan waktu bekerja itu wajib disempurnakan mengikut peraturan dan sebaliknya perayaan Hari Raya ini hanyalah suatu kesukaan bukan juga sunat yang disuruh oleh agama kita.

Allah Ta'ala telah menjadikan umat Islam umat yang sederhana, kerana itulah sifat kehidupan yang sangat dituntut oleh Allah. Sememangnya kalau kehidupan di dunia ini dilebihkan daripada yang sepatutnya maka ia akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada diri seseorang, demikian juga sebaliknya kalau keperluan hidup tidak sempurna maka akibat yang timbul juga tidak mendatangkan faedah. Sebenarnya apa-apa sahaja dalam hidup kita ini manusia perlu bersikap sederhana bukan berlebihan, berlebihan itu mendatangkan sifat tamak dan dengki khianat, sedangkan terlalu sempit dan menyempitkan cara hidup, akibatnya sebagaimana yang pernah disebut oleh Sayidina Ali Karamallahu Wajhah ertinya: Kemiskinan atau kepapaan hampir kepada kufur.

Allah Subhanahu Wata'ala memberi panduan kepada kita dengan firman-Nya dalam Surah Al Baqarah, ayat 143, tafsir-Nya:

"Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang pertengahan sebagai umat yang adil dan pilihan supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia tentang yang benar dan yang salah dan Rasulullah pula akan menjadi saksi ke atas perbuatan kamu."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Ayat Al-Qur'an ini secara tidak langsung memerintahkan supaya umat Islam dapat menjadi contoh tauladan yang baik dan sempurna kepada dunia supaya umat Islam menjadi pusat perhatian orang lain dalam menjalani kehidupan di dunia ini dengan demikian orang lain akan tertarik mengikut Islam, masuk agama Islam dan mengamalkan kaedah-kaedah Islam. Tetapi kita lihat sekarang betapa orang Islam menjadi lemah, hanya menjadi pengikut kepada orang lain dengan

kata lain bagaimana orang lain akan tertarik kepada agama Islam sedangkan para pengikut agama Islam sama sahaja tidak lebih baik daripada orang lain dan umat Islam tentu tidak dapat menjadi contoh tauladan kalau cara hidup mereka tidak berbeza dengan orang lain itu.

Perkara itu kita lihat dalam cara kehidupan golongan muda yang lebih banyak mengamalkan budaya bukan Islam, budaya asing yang hanya mementingkan kesukaan dan kegembiraan termasuklah Hari Raya. Malah hari perayaan lain seperti awal tahun Masihi, hari Krismas telah disambut dengan lebih meriah dengan acara-acara yang sangat menarik hati sama seperti perayaan agama sendiri. Di manakah dia jati diri golongan muda yang mengaku beragama Islam ini? Mereka di masa hadapan akan menjadi tunggak pembangunan umat Islam bakal menggantikan keturunan yang ada pada masa ini. Tetapi dapatkah umat Islam mempertahankan nilai agama dan kemurnian Islam jikalau sekiranya golongan pelapis yang muda pada masa ini sudah sedari awal tidak boleh diharapkan sangat? Iman yang lemah, jiwa yang lemah, akhlak yang runtuh, tidak tahan agut hanya mencari sesuatu yang mudah dan tidak sanggup berusaha untuk mendapat hasil sebaliknya hanya sanggup menadah tangan meminta-minta dan menerima. Mereka itu terlibat pula dalam gerakan antisosial seperti menjadi penagih dadah, melakukan perbuatan sumbang dan lain-lain.

Oleh sebab itu kita semua terutama pihak ibu bapa dan para pemimpin belia hendaklah bangun menyedarkan mereka yang masih lalai yang terperangkap dalam godaan kehidupan yang merugikan umat ini. Kita tidak lagi boleh enggan atau lalai walaupun sekejap sahaja atau 'malastah ku ingat'. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan umat Islam dalam sebuah hadis maksudnya:

Daripada Thauban ia berkata, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: *"Hampir semua umat (bukan Islam) akan berkumpul melawan kamu sebagaimana penyakit kulit berkumpul di tempat tumbuhnya, para sahabat bertanya: Adakah pada masa itu kita sedikit ya Rasulullah."*

Sabda Baginda: Tidak, malah kamu pada masa itu ramai. Tetapi kamu telah menjadi seperti buih air bah. Allah telah menarik rasa takut musuh terhadap kamu daripada hati mereka dan Allah telah memasukkan ke dalam hati kamu 'Al-Wahnu' (lemah), mereka bertanya: Wahai Rasulullah apakah dia makna 'Al-Wahnu' (lemah) itu? Rasulullah menjawab: Ianya perasaan sayang kepada dunia dan takut mati." (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Benarlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita lihat di mana-mana umat Islam seolah-olah dengan mudah diolah-olahkan oleh orang lain dan umat Islam hanya sanggup membantah, mengadakan protes tetapi orang tidak merasa gentar, benarlah sabda Rasulullah, umat Islam menjadi buih kerana sebenarnya umat Islam telah di didik dengan perkara yang menyebabkan jiwa mereka lemah, mudah tunduk dan mengalah iaitu pertama: Godaan segala kemudahan dan kesenangan yang melalaikan, perkara ini telah menjadi larangan Allah kepada umat Islam.

Sebagaimana yang tersebut dalam Surah Fatir, ayat 5, tafsir-Nya:

"Wahai umat manusia sesungguhnya janji Allah membalas amal kamu adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia, dan janganlah syaitan yang menjadi sebesar-besar penipu itu berpeluang menyebabkan kamu terpedaya dengan kemurahan Allah lalu kamu lalai dan menderhaka."

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Nahl, ayat 112, tafsir-Nya:

"Dan berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar Allah telah memberikan satu contoh: sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kela-paran dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

SEMPENA kita menyambut hari besar ini sudah tentu kita merasa bahagia dan merasa puas hati dengan persediaan yang telah disediakan awal.

Tetapi hendaklah kita ingat, semuanya itu adalah nikmat kurnia Allah, bukannya sahaja ia datang melompok di hadapan kita. Kalau bukan kerana Allah maka tidak akan ada sesuatu yang kita inginkan. Oleh sebab itu hendaklah kita bersyukur, mengucapkan terima kasih kepada Allah di atas nikmat dan kurnia yang banyak itu. Nikmat Allah Ta'ala itu sangat banyak dari masa kita lahir ke dunia sampailah kepada masa kita berada dalam liang tanah. Oleh sebab terlalu suka menerima nikmat kurnia Allah itu sebahagian daripada kita lupa diri bersifat kedekut dan fikir umpamanya takut bersedekah, tidak mahu mengeluarkan hak zakat harta atau zakat takut berkungsi kesenangan dengan orang lain. Ajaran Islam tidak

KHUTBAH KEDUA

begitu. Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nahl ayat berfirman tafsir-Nya:

"Dan Allah telah melebihi sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya, dalam pada itu orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka (yang mendapat kelebihan harta itu) tergamak mengingkari nikmat Allah itu dengan perbuatan syirik?" Maka oleh sebab itu diperintahkan kepada

umat Islam mencari jalan-jalan yang boleh mengurangkan sifat tamak haloba itu dengan mengeluarkan zakat dan bersedekah, supaya dengan demikian keadaan masyarakat Islam menjadi seimbang, orang yang tidak berpunya diberi sebahagian daripada kelebihan orang-orang yang berada, maka bertautlah perasaan kasih sayang, perasaan harmoni dan hormat-menghormati, maka timbullah kesatuan dan kekuatan umat, sebaliknya kalau orang yang mempunyai kelebihan itu dengan sebab tetapi bersikap tidak peduli orang lain maka akan menimbulkan perbezaan di antara anggota masyarakat umat

Islam tidak dapat bersatu padu kerana adanya perbezaan kelas - seperti yang dalam sejarah negara Barat daripada zaman pertengahan dahulu telah menyebabkan timbulnya revolusi di antara golongan kaya dan miskin, dan terjadi perpecahan, timbul rasa benci-membenci malah sampai kepada bunuh-membunuh di antara satu sama lain. Rahmat Islam dalam isu zakat dan sedekah sangat menolong memperkuatkan hubungan saudara-mara, sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya: *"Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma: "Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang Muslim itu adalah bersaudara dengan orang Muslim yang lain,*

ia tidaklah boleh menganiayanya, dan tidak boleh membiarkannya jatuh ke dalam kecelakaan. Barang siapa yang menolong seorang menghilangkan kesusahan dari apa jua kesusahan dunia maka Allah akan menolong dia menghilangkan kesusahan dari apa-apa jua kesusahan pada Hari Kiamat, dan barang siapa yang melapangkan ke atas seorang yang susah di dunia maka Allah akan melapangkan dia di dunia dan di Akhirat dan barang siapa yang menutupi (pakaian) seorang Muslim di dunia maka Allah akan menutupi dia di dunia dan di Akhirat. Allah sendiri akan menolong hamba-Nya selagi hamba-Nya itu menolong saudaranya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Kita janganlah takut mengeluarkan zakat atau bersedekah dengan anggapan harta akan berkurang, tidak! Allah menjamin orang yang berzakat dan bersedekah itu akan sentiasa dilebihkan harta mereka lagi oleh Allah dan malah ditambah pula dengan pahala yang berlipat ganda. Sebuah hadis riwayat Al-Imam At-Tabrani menyatakan: Maksudnya: *"Tidak akan kurang harta daripada sedekah dari harta yang ada dan tiada menghulurkan tangan seorang hamba dengan sedekah melainkan sedekah itu jatuh terlebih dahulu ke tangan orang yang meminta, dan tiadalah seorang itu membuka pintu*

meminta yang dia sendiri sepatutnya tidak berhajat kepadanya melainkan dibuka oleh Allah kepadanya pintu kepaan."

Manakala dalam hadis yang lain pula Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Maksudnya: *"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Hamba itu berkata: Hartaku, hartaku, sedangkan harta yang ada padanya hanyalah tiga macam: Iaitu apa yang dimakannya akan habis, apa yang dipakainya menjadi buruk dan apa yang diberikannya kepadanya menjadi miliknya. Adapun yang lain daripada itu semuanya pergi dan tinggal kepada orang lain."* (Riwayat Al-Imam Muslim).

Bersyukur atas nikmat yang diberi

99,458 junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

Dari muka 1

Di sebelah petang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pengunjung lelaki.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul

Sementara itu, di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah dari ribuan kalangan kaum wanita dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini termasuk para pelancong wanita dari luar negara yang berkunjung ke Istana Nurul Iman khusus bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Berangkat sama bagi menerima mengadap dan junjung ziarah Hari Raya di Istana Nurul Iman ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul

Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Kegembiraan dan kemesraan jelas terbayang di wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kerabat diraja yang lain ketika menerima mengadap dan junjung ziarah ribuan pengunjung.

Sebagai tanda kenangan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman, para pengunjung juga dibekalkan dengan cenderamata yang berupa bekal bertolak kuning berisi kuih-muih sebagai cenderamata. Sementara kanak-kanak dan warga emas dikurniakan dengan duit raya.

Tradisi berhari raya di Istana Nurul Iman sememangnya sentiasa ditunggu-tunggu oleh masyarakat negara ini untuk bersemuka dengan raja yang dikasihi dan yang sentiasa pemeduliaan serta mengambil perhatian berat terhadap kebajikan dan kehidupan rakyat jelata. Tidak syak lagi Istana Nurul Iman begitu sinonim dengan Hari Raya yang semakin popular saban tahun bukan sahaja di kalangan penduduk negara ini, malahan warga asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam dan para pelancong yang berkebetulan melawat negara ini juga mengambil peluang kemasan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan kerabat-kerabat diraja.

Saudara baru berkunjung ke rumah menteri

Oleh :
Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 September. - Serombongan seramai 465 saudara baru seluruh negara terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak berhari raya ke rumah-rumah orang kenamaan di negara ini bagi memeriahkan lagi Hari-hari Kebesaran Islam.

Rombongan berhari raya tersebut merupakan projek tahunan Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Mualaf sejak tahun 1990 dengan kerjasama Unit Da'wah daerah-daerah dari seluruh negara.

Di kesempatan ini, wakil PELITA BRUNEI membuat temu bual dengan beberapa saudara-saudara baru dari Daerah Tutong berhari raya bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin di kediaman Yang Berhormat di Kampung Sungai Besar dan seterusnya bersama Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar di rumah kediamannya di Kampung Mabohai.

Dayang Noraslina binti Haji Abdul Rahman, 45,



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan datin bersalaman dengan anak-anak saudara baru. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

berkata beraya ke rumah kediaman orang-orang kenamaan ini adalah kali pertama saya mengikuti rombongan saudara-saudara baru yang lain walaupun beliau memeluk Islam pada tahun 1978.

"Ini kali pertama saya mengikuti rombongan beraya ke rumah-rumah orang kenamaan kerana keadaan yang tidak mengizinkan, alhamdulillah saya bersyukur dan sangat gembira kerana kali ini dapat bepeluang beraya dengan saudara-saudara baru dari Daerah Tutong," jelasnya.

Pada kesempatan ini,

Dayang Noraslina yang berasal dari Kampung Perpindahan Bukit Beruang ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga kepada umat Islam di negara ini.

Sementara itu, Awang Haji Mohd. Redzuan bin Haji Md. Yunos, berasal dari Kampung Belabau, Daerah Tutong beliau melahirkan perasaan gembira kerana dapat mengikuti rombongan saudara-saudara baru beraya kerumah-rumah orang kenamaan pada setiap tahun di bulan Syawal.

Beliau yang berusia 37 tahun menjelaskan, perkara tersebut memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidilfitri bersama keluarganya di samping itu, untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama saudara-saudara baru di negara ini.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada kaum keluarga dan sahabat handai serta umat Islam di seluruh negara, maaf zahir dan batin," kata Awang Haji Mohd. Redzuan yang memeluk Islam pada tahun 1992 menambah.

Pertukaran dan pelantikan Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 September. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pertukaran ke atas beberapa orang Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap seperti berikut:

Dato Paduka Awang Sa Bali bin Abas, Setiausaha Tetap di JPM (Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menjadi Setiausaha Tetap KHEDN.

Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Setiausaha Tetap KHEDN ditukar ke JPM menjadi Setiausaha Tetap di JPM (Bahagian Hal Ehwal Korporat dan

Pentadbiran Awam).

Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha Tetap I di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) ditukar ke Kementerian Pertahanan menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

Awang Haji Matsatejo Sokiaw, Plant Manager Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG) diperbantukan dan seterusnya dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM.

Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM ditukar ke Kement-

terian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KKBS.

Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, Timbalan Setiausaha Tetap di JPM (IT & E-Kerajaan) ditukar ke Kementerian Perhubungan menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan.

Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap di JPM (IT & E-Kerajaan).

Dayang Hajah Normah Suria Hayati

binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU dan Awang Md. Riza bin Dato Paduka Haji Md. Yunos, Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU.

Tarikh pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Rabu, 6 Syawal 1431 bersamaan 15 September 2010.



DATO Paduka Awang Sa Bali bin Abas, Setiausaha Tetap di JPM (Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menjadi Setiausaha Tetap KHEDN.



AWANG Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Setiausaha Tetap KHEDN ditukar ke Jabatan Perdana Menteri menjadi Setiausaha Tetap di JPM (Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam).



DAYANG Hajah Suriyah binti Haji Umar, Setiausaha Tetap I di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) ditukar ke Kementerian Pertahanan menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.



AWANG Haji Matsatejo Sokiaw, Plant Manager Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG) diperbantukan dan seterusnya dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM.



AWANG Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KKBS.



AWANG Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, Timbalan Setiausaha Tetap di JPM (IT & E-Kerajaan) ditukar ke Kementerian Perhubungan menjadi Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan.



AWANG Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap di JPM (IT & E-Kerajaan).



DAYANG Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU.



AWANG Md. Riza bin Dato Paduka Haji Md. Yunos, Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU.

'SELAMAT MENUNAIKAN PUASA ENAM'

دتریبیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.